SIDANG DUN
MS 1 - 9

Intipati Belanjawan 2019
MS 14 & 15





DISEMBER 1-15, 2018

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# BERSEJARAH

## Had tempoh 2 penggal Ketua Menteri Pulau Pinang berkuat kuasa

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Seperti dijanjikan, Pulau Pinang mengehadkan tempoh lantikan seorang Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja, berkuat kuasa serta-merta daripada tarikh Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Ketika membentangkan usul pindaan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa Pulau Pinang melakar sejarah dengan menjadi negeri pertama yang melaksanakan janji berkaitan yang termaktub di dalam Manifesto Pakatan Harapan.

"Meminda perlembagaan ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa mengamalkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).

"Satu lagi bukti Kerajaan Pakatan Harapan menepati segala janji-janjinya," jelasnya dalam persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 16 November 2018.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menyatakan, pindaan adalah pada Perkara 7 Fasal 2(a) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

Katanya, Perlembagaan Negeri yang asal berbunyi:

"Perkara 7, Fasal (2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu :-

"(a) Yang di-Pertua Negeri hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Ketua Menteri untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang Ahli Dewan Undangan yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Undangan itu; …"

Tambah Kon Yeow, pindaan yang dibuat pada Perkara 7, Fasal (2) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dengan menggantikan perenggan (a) seperti berikut :-

"(a) Yang di-Pertua Negeri hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Ketua Menteri untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan, seorang ahli Dewan Undangan -

(i) yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Undangan itu; dan

(ii) yang tidak pernah pada bila-bila masa memegang jawatan Ketua Menteri bagi dua penggal; dan..."

Menurut Kon Yeow, pindaan Perlembagaan Negeri membawa kepada seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh dilantik menjadi Ketua Menteri jika ahli berkenaan pernah memegang jawatan Ketua Menteri selama dua penggal Dewan Undangan Negeri.

Sebelum itu, ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung mengambil bahagian membahaskan usul pindaan Perlembagaan Negeri; diikuti, M. Satees (Bagan Dalam); Mohd. Yusni Mat Piah (Penaga); Muhamad Yusoff Mohd.



**LAW Choo Kiang (duduk, tengah) bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan ADUN Kerajaan Negeri selepas persidangan DUN ditangguhkan di sini baru-baru ini.**

Noor (ADUN Sungai Dua merangkap Ketua Pembangkang DUN Pulau Pinang); Lee Chun Kit (Pulau Tikus); Lee Khai Loon (Machang Bubok) dan Muhammad Faiz Fadzil (Permatang Pasir).

Untuk meminda Perlembagaan Negeri memerlukan dua pertiga undi sokongan di DUN Pulau Pinang.

Selepas proses undian secara belah bahagi dibuat tiga kali berturut-turut, Yang di-Pertua Dewan, Dato' Law Choo Kiang mengumumkan 33 ADUN menyokong usul pindaan perlembagaan itu.

Sementara tiga ADUN pembangkang lain, iaitu Muhamad Yusoff, Nor Hafizah Othman (Permatang Berangan) dan Mohd. Yusni masing-masing melafazkan 'tidak mengundi'.

Choo Kiang turut memberitahu bahawa empat ADUN lain, yang tidak mengambil bahagian dalam proses mengundi secara belah bahagi, masing-masing telahpun memohon cuti.

Mereka, Dr. Afif Bahardin (Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan); Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (ADUN Pantai Jerejak merangkap Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPDNHEP); Dr. Norlela Ariffin (Penanti) dan Mustafa Kamal Ahmad (Teluk Ayer Tawar).

Selepas selesai proses mengundi secara belah bahagi itu, Choo Kiang memuji komitmen semua pihak dalam meminda Perlembagaan Negeri pada kali ini.

# Bonus setengah bulan, minimum RM1,000 untuk penjawat awam dibayar Disember

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Sempena pembentangan Belanjawan 2019, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang meluluskan bayaran bonus akhir tahun sebanyak setengah bulan gaji dengan minimum RM1,000 kepada semua penjawat awam.



SIDANG DUN

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan perkara itu dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 9 November 2018.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa dana RM5.23 juta kepada keseluruhan 3,915 penjawat awam akan dibayar pada Disember 2018.

"Diharapkan bayaran bonus ini akan meningkatkan semangat penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi pada tahun akan datang," jelasnya.

Menurut Kon Yeow, kadar pembayaran bonus kali ini mengambil kira kenaikan harga barangan termasuk minyak petrol, minyak masak dan bahan-bahan subsidi yang lain.

Serentak itu, beliau turut mengumumkan pembayaran RM300 seorang kepada 1,590 Penyelia dan Guru KAFA; 270 Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat; 182 Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat serta 572 Guru dan Staf Sekolah Persendirian Cina; RM200 seorang kepada seramai 240 Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIS Negeri Pulau Pinang.

"Perbelanjaan tambahan berjumlah RM832,000 kepada semua kumpulan berkenaan turut akan dibayar pada bulan Disember tahun ini," jelas Kon Yeow.




**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas pembentangan Bajet 2019 Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.**

## Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara penuhi keperluan masa depan Pulau Pinang, respons Kon Yeow

**GEORGE TOWN** - Belanjawan 2019 Negeri antara lain menyatakan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) sedia ada mampu menampung kapasiti penumpang dan kargo dalam tempoh 20 hingga 30 tahun sahaja.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya mencadangkan supaya kerajaan Pusat membina sebuah lagi lapangan terbang antarabangsa bagi memenuhi keperluan masa hadapan selepas tahun 2050 nanti.

"Kerajaan Negeri telah mencadangkan pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa yang baru iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara di atas tanah tebus guna di Batu Maung yang berdekatan dengan Pulau Rimau.

"Lokasi ini dipilih berikutan ianya berdekatan dengan Zon Perindustrian Bayan Lepas dan Batu Kawan serta berada dalam lokaliti yang sama dengan lapangan terbang sedia ada," jelasnya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 16 November 2018.

Lagipun ulas Kon Yeow, semua infrastruktur dan jaringan jalan raya telahpun tersedia di kawasan cadangan projek tersebut.

"Namun begitu, cadangan ini masih dalam peringkat perancangan dan perlu melalui pelbagai proses seperti Kajian Kebolehlaksanaan, kelulusan daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) untuk tebus guna laut, kelulusan Kajian (Penilaian Impak Alam Sekitar) EIA serta sumber pembiayaan projek.

"Keperluan untuk mewujudkan lapangan terbang baru ini adalah begitu kritikal dan bertujuan untuk menjaga kepentingan Pulau Pinang sebagai pintu masuk utama pengangkutan udara bagi wilayah utara Malaysia," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa pentadbirannya percaya bahawa projek pemajuan lapangan terbang antarabangsa kedua berkaitan akan menggandakan lagi limpahan ekonomi di Pulau Pinang kelak.

## Syor Pusat tubuh ECDA satukan sistem penjagaan, pendidikan awal kanak-kanak

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri mengesyorkan penubuhan Agensi Pembangunan Pendidikan Awal ataupun *Early Childhood Development Agency* (ECDA) kepada Kerajaan Persekutuan dalam usaha memastikan pendidikan awal kanak-kanak daripada umur tiga bulan hingga enam tahun lebih bersistematik.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, ECDA bakal berfungsi sebagai satu badan berautonomi (badan bebas) untuk menyatukan pelbagai sistem penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

"Bagi memastikan setiap kanak-kanak dapat mengakses khidmat penjagaan dan pendidikan awal yang menyeluruh berkualiti serta berkemampuan, kita (Kerajaan Negeri) akan menyarankan penubuhan ECDA ini kepada Kerajaan Persekutuan.

"Fungsi utama (ECDA) adalah untuk menyelaraskan pemantauan semua taska (taman asuhan kanak-kanak) dan tadika, merangka garis panduan kemudahan, program serta kurikulum dan menyelaraskan yuran berdasarkan lokasi.

"Selain itu, ia akan memberikan latihan kepada tenaga pengajar, penjaga, pengusaha pusat dan menyelia hal-hal berkaitan geran serta subsidi daripada kerajaan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Pada sesi ucapan penggulungan sama, Chong Eng memaklumkan bahawa pada masa ini, terdapat tiga Jabatan Negeri dan Jabatan Persekutuan Pulau Pinang (9) yang mempunyai taska di tempat kerja.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan kajian mengenai perkara itu bagi membolehkan lebih banyak jabatan mewujudkan taska di tempat kerja.

"Dalam menyahut seruan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kerajaan Negeri menyokong sepenuhnya penubuhan taska di pejabat-pejabat kerajaan.

"Penubuhan taska di tempat kerja membolehkan ibu bapa menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap kerja kerana anak mereka berada dekat dan di tempat yang selamat," jelasnya.




Oleh: **ME**

# Pengisytiharan harta tiga Exco, 21 ADUN baru dilantik bukti pentadbiran telus

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Tiga lagi anggota Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) dan 21 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang baru dipilih bertindak mengisytiharkan harta secara terbuka bagi tempoh berakhir 31 Mei 2018.



SIDANG DUN

Perkara tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini 12 November lalu.

Menurut Kon Yeow, langkah tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengamalkan pentadbiran yang bersih berasaskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).

"Pengisytiharan harta secara terbuka ini adalah kali keempat dilaksanakan sejak pengisytiharan kali pertama pada tahun 2011 yang melibatkan semua Exco Kerajaan Negeri.

"Kemudian pada tahun 2013 dan Januari 2018, Kerajaan Negeri memutuskan agar ADUN juga turut mengisytiharkan harta mereka.

"Walau bagaimanapun, pengisytiharan kali ini hanya melibatkan wakil-wakil rakyat kerajaan yang baru dipilih sahaja memandangkan 13 wakil rakyat yang pernah dilantik sebelum ini telah mengisytiharkan harta masing-masing bagi tempoh berakhir 31 Januari 2018," ujar beliau.

Turut serta pada sidang media berkenaan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar); Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan); Soon Lip Chee (Exco Belia dan Sukan); Yeoh Soon Hin (Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian) serta Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memaklumkan bahawa firma juruaudit bebas bertauliah iaitu *Grant Thornton* dipertanggungjawabkan untuk mengaudit pengisytiharan harta berkenaan.

"Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, pihak juruaudit mendapati bahawa semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah teratur.

"Justeru, ini sekali lagi membuktikan Kerajaan Negeri merupakan kerajaan menunaikan janjinya, yang mengamalkan pentadbiran bersih," tegasnya.

Maklumat pengisytiharan harta boleh dicapai dalam portal Kerajaan Negeri di laman sesawang *www.penang.gov.my* di bawah tajuk 'Topik Popular' yang boleh diakses mulai hari sama.

Sebagai rekod, tiga anggota Exco Kerajaan Negeri yang baru dilantik ialah Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat); Zairil Khir Johari (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir) dan Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan).

## Cadangan Sidang DUN tiga kali setahun wajar dipertimbang demi kepentingan rakyat

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa cadangan untuk mengadakan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebanyak tiga kali dalam setahun wajar dipertimbangkan demi kepentingan rakyat.

Malah, kata beliau, tempoh masa yang diberikan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk menghantar soalan lisan iaitu 21 hari sebelum persidangan bermula juga wajar dikaji semula agar soalan yang dikemukakan masih relevan dengan keadaan semasa.

"Kita (Kerajaan Negeri) boleh pertimbangkan jika didapati cadangan ini dapat membantu mengetengahkan masalah rakyat dengan lebih kerap.

"Kerana kita percaya perkhidmatan awam kita dapat menyokong kepimpinan Exco (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan) untuk memainkan fungsi yang lebih berkesan di DUN, dan saya berharap pihak pentadbiran dapat mengambil maklum akan hal ini," ujarnya menjawab soalan tambahan oleh ADUN Bukit Tengah, Goh Choon Aik pada sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-14 di sini 14 November lalu.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota turut menjelaskan bahawa beberapa pembaharuan telah dilaksanakan oleh pentadbiran negeri sejak tahun 2008 bagi memastikan DUN Pulau Pinang dapat berperanan dengan lebih telus, cekap serta berintegriti.

"Bagi memastikan ADUN mempunyai lebih ruang untuk suarakan hasrat dan pandangan rakyat, sesi soalan lisan yang sebelum ini berlangsung hanya tiga jam pada hari pertama persidangan DUN telah dipanjangkan kepada satu setengah jam setiap hari.

"Selain itu, jawapan kepada semua soalan bertulis akan diletakkan di atas meja ADUN pada hari pertama persidangan selain menyediakan ruang untuk para media.

"Dan terkini, jawatan Ketua Menteri dihadkan kepada dua penggal sahaja yang mana pindaan perlembagaan dibuat pada sidang kali ini untuk merealisasikan hasrat tersebut," jelasnya sebagai menjawab soalan dibangkitkan oleh ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon berhubung perubahan sistem demokrasi berparlimen yang dilaksanakan oleh DUN Pulau Pinang sejak 2008.

## Kerajaan Negeri sumbang RM81,159.63 kepada Tabung Harapan Malaysia

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyalurkan sejumlah RM81,159.63 kepada Tabung Harapan Malaysia sebagai usaha membantu mengurangkan beban hutang negara yang mencecah lebih RM1 trilion.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sumbangan berkenaan adalah hasil pemotongan 10 peratus daripada jumlah gaji kesemua 11 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) bermula Jun hingga November 2018.

"Atas semangat kecintaan dan patriotisme yang tinggi kepada negara, Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin bersama-sama membantu membina semula negara yang kita cintai ini.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri pada 31 Mei lalu bersetuju untuk melakukan pemotongan gaji Ketua Menteri dan semua Exco sebanyak 10 peratus untuk disalurkan kepada Tabung Harapan Malaysia.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu tunaikan apa yang kita janjikan pada Mei lalu, dan memandangkan akaun Tabung Harapan Malaysia akan ditutup tidak lama lagi maka sumbangan ini akan diserahkan dengan kadar segera," katanya pada sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini 12 November lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar); Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan); Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan); Soon Lip Chee (Exco Belia dan Sukan); Yeoh Soon Hin (Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian) serta Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu.

Terdahulu, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan Tabung Harapan bagi membolehkan rakyat di Malaysia menyalurkan sumbangan selepas mendapati paras hutang negara mencecah RM1 trilion.

Penubuhan tabung berkenaan diwujudkan bagi membolehkan sumbangan ikhlas rakyat dapat diuruskan oleh kerajaan dengan cara yang lebih sistematik lagi telus.


SEBAHAGIAN barisan ADUN baru berjalan seiringan keluar dari dewan persidangan.


EXCO Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir merangkap ADUN Tanjong Bunga, Zairil Khir Johari pada majlis sidang media yang dipengerusikan beliau pada 9 November lalu.

Klik Buletin Mutiara

# Menambah baik perkhidmatan feri, Kerajaan Negeri tunggu pembentangan Prasarana

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



KETUA Menteri pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah baik perkhidmatan feri yang menjadi salah satu pengangkutan awam utama bagi penduduk di negeri ini termasuk memperkenalkan teksi air.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pada masa ini Kerajaan Negeri sedang menunggu pihak Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) bagi membentangkan satu rancangan menyeluruh berhubung langkah-langkah untuk menambah baik perkhidmatan feri.

“Berikutan kutipan yang diperoleh daripada perkhidmatan feri adalah kurang berbanding kos operasi menyebabkan Penang Port (Sdn. Bhd.) mahu lepaskan feri daripada operasi pelaburan mereka.

“Walau bagaimanapun, perkhidmatan feri masih lagi sebahagian daripada Penang Port yang telah diambil alih oleh Rapid Ferry Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Prasarana mulai 1 Mei lalu.




“Kita (Kerajaan Negeri) faham Prasarana juga memerlukan bantuan kewangan, tetapi kita berharap masalah berkenaan tidak akan menjejaskan perkhidmatan pengangkutan awam yang diusahakan pihak Prasarana,” ujarnya pada sidang media di Dewan Undangan Negeri pada 14 November lalu.

Mengulas lanjut mengenai cadangan mewujudkan teksi air, Kon Yeow menjelaskan bahawa perkhidmatan berkenaan sememangnya termasuk dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) sebagai pengangkutan perantaraan antara bahagian pulau dan Seberang Perai.

“Mungkin kita (Kerajaan Negeri) boleh sediakan RFP (Permintaan Cadangan) berasingan untuk meneliti sistem pengangkutan air.

“Terdapat beberapa lokasi yang boleh dipertimbangkan sebagai lokasi perkhidmatan berkenaan seperti Tanjong Tokong, George Town, Jelutong, Bayan Baru dan Bayan Lepas bagi bahagian pulau, manakala di Butterworth pula adalah di Perai, Bukit Tambun, Batu Kawan dan Nibong Tebal (bagi Seberang Perai),” jelasnya yang merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Dalam pada itu, pada sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14, Kon Yeow menjelaskan bahawa jumlah penumpang feri dari bulan Mei hingga September 2018 bagi kereta, motosikal dan pejalan kaki adalah seramai 1,057,806 dengan kutipan berjumlah RM2,687,977.30.

“Buat masa ini, kekerapan feri adalah sebanyak 54 perjalanan sehari pada hari bekerja, dan 50 perjalanan sehari pada hujung minggu serta cuti umum,” katanya semasa menjawab soalan oleh ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon.

# Tarik balik bakat-bakat muda, Kerajaan Negeri tidak duduk diam berpeluk tubuh sahaja

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Kehilangan modal insan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi akibat penghijrahan ke negara lain atau lebih dikenali sebagai *‘brain drain’* adalah satu trend universal yang sering dialami negara-negara sedang membangun.

Namun, menyedari hakikat tersebut, Kerajaan Negeri tidak duduk diam berpeluk tubuh sahaja, sebaliknya telah mengambil beberapa pendekatan untuk menarik balik bakat-bakat muda yang bekerja di luar negara untuk kembali bekerja di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut berhubung kenyataan itu, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy menyatakan bahawa bagi mengekalkan modal insan dan mengurangkan bakat anak muda dari negeri ini berkhidmat ke luar negara, Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Penang Future Foundation* (PFF).

“PFF yang dibiayai penderma atau syarikat swasta bertujuan menggalakkan anak-anak Pulau Pinang melanjutkan pelajaran dalam bidang STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) dan seterusnya kembali bekerja di negeri ini selepas tamat pengajian.

“Sejumlah RM10 juta setahun telah diperuntukan untuk program berbentuk biasiswa ini, dan sejak penubuhannya pada tahun 2015 sehingga tahun 2017, seramai 300 pelajar telah menerima manfaat daripada biasiswa ini,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Selain itu, menurut Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan & Sains, Teknologi dan Inovasi, Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif mempertingkatkan pembangunan industri dan ekonomi dalam rantaian yang lebih tinggi melalui pelaburan baharu serta pelaburan semula di Pulau Pinang untuk mewujudkan pekerjaan.

“Pada tahun 2017, Pulau Pinang mencatatkan rekod pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi dalam bidang pembuatan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan nilai FDI RM8.5 bilion,” jelasnya pada ucapan penggulungan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Sementara itu, sebagai respons kepada soalan yang diajukan ADUN Sungai Dua dan Penaga berhubung peluang pekerjaan yang disediakan kepada anak muda serta penduduk tempatan, Ramasamy memberitahu bahawa sejak 2008 hingga kini, pelbagai peluang pekerjaan telah diwujudkan dengan mencatatkan jumlah melebihi 15,000 kekosongan secara purata setiap tahun.

Menurut beliau, sejak 2017 hingga Mac 2018 sahaja, sebanyak 14,549 pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada pelaburan baharu dan pelaburan semula.

“Sementelah itu, Kerajaan Negeri melalui CAT *(Penang Career Assistance dan Talent Centre)* juga menjalankan pemadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja dengan yang ditawarkan industri.

“Sejak penubuhannya pada Mac 2009 sehingga Oktober 2018, seramai 10,551 individu telah mendaftar dan 6,445 pemadanan jawatan telah dijalankan untuk 289 syarikat,” katanya.

# Latihan kemahiran dan penempatan kekal kepada gelandangan bersifat *‘Tri-Partite Venture’*

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melalui pelaksanaan Agenda Ekonomi Saksama (AES) dalam tempoh Mac 2009 hingga Oktober 2018 telah menyalurkan RM30.85 juta sumbangan bantuan bulanan kepada 955 penerima aktif berdaftar.

Mengulas lanjut, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memberitahu bahawa Kerajaan Negeri masih konsisten serta komited dalam membantu golongan terpilih di semua lokaliti termasuk kawasan yang diwakili pembangkang.

“Ini dapat dibuktikan dengan statistik terkumpul setakat ini yang mana menunjukkan kebanyakan penduduk miskin berada di kawasan pembangkang.

“Ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membela kebajikan rakyat tanpa mengira perbezaan ideologi politik, agama dan bangsa,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 15 November 2018.

Menurut Boon Poh, mempelbagaikan program kebajikan rakyat melalui pelbagai pemberian bantuan kebajikan, bayaran wang ehsan dan penghargaan kepada warga emas, pelajar sekolah rendah dan menengah, bantuan kepada orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, suri rumah dan penghargaan anak emas wajar diberi pengiktirafan.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa sehingga kini, Kerajaan Negeri turut meneruskan program kebajikan rakyat membabitkan pelbagai golongan terpilih lain, seperti pembayaran RM130 kepada warga emas dan RM1,000 kepada waris warga emas meninggal dunia sejak tahun 2009; diikuti RM100 kepada ibu tunggal, OKU (RM130); anak emas (RM200); RM100 untuk pelajar emas sejak 2012 dan RM100 kepada ibu emas sejak 2014.

“Setiap program bantuan tersebut juga mempunyai modul khusus yang dibangunkan di dalam sistem i-Sejahtera dan program-program kebajikan ini yang meliputi semua lapisan masyarakat menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memberikan bantuan kepada rakyatnya,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Boon Poh turut memberi penjelasan berhubung Belanjawan 2019 yang memperuntukkan RM560,000 untuk melaksanakan latihan kemahiran kepada gelandangan produktif dan penempatan kekal kepada gelandangan tidak produktif.

“Program ini adalah bersifat *‘Tri-Partite Venture’* yang menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan program ini.

“Tempoh penginapan yang dicadangkan adalah antara enam hingga 12 bulan.

“Program ini menyasarkan selepas tempoh tersebut, gelandangan ini sudah dapat berdikari dan berintegrasi dengan masyarakat,” katanya.

# Audit tanah pertanian diusahakan warga asing, respons Exco

**GEORGE TOWN** - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Kemajuan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyeru supaya Jabatan Pertanian Negeri melaksanakan audit terhadap tanah-tanah pertanian diusahakan warga asing, terutama membabitkan kawasan Ara Kuda, Tasek Gelugor.

“Saya ada menerima rungutan daripada ADUN Kawasan berhubung permasalahan ini.

“Kami telah mengarahkan Jabatan Pertanian untuk segera melakukan audit terhadap semua tanah pertanian... kerjasama oleh pihak tuan tanah iaitu PERDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang) dan Jabatan Imigresen serta pihak berkuasa lain akan dibentuk bagi memastikan satu penyelesaian yang produktif dapat dicapai,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 15 November 2018.

Penjelasan itu sebagai menjawab soalan dibangkitkan ADUN Permatang Berangan, Nor Hafizah Othman.

Selain itu, Afif memberitahu bahawa sehingga bulan Oktober 2018, Jabatan Pertanian Negeri berjaya mempromosi lagi usahawan Pulau Pinang ke negeri-negeri lain, yang membawa pulangan hasil jualan mencecah RM493,100.09.

# Lebih RM20 juta diperuntuk bagi pembangunan masjid, surau sejak 2008

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak RM20,374,305 diperuntukkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bagi tujuan pembangunan masjid dan surau di negeri ini sejak 2008 sehingga kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen berkata, jumlah tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri begitu memberikan penekanan terhadap pembangunan syiar Islam di negeri ini.

"Sejak 2008, Kerajaan Negeri juga berjaya membina 14 buah masjid dan tiga surau membabitkan kelima-lima daerah di negeri ini.

"Ini sememangnya angka menarik yang mana dalam masa 10 tahun mentadbir, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berjaya membina 17 institusi Islam dan sekaligus menyangkal tuduhan kononnya Kerajaan Negeri mengabaikan pembangunan agama Islam," ujarnya pada sidang media dekat Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 12 November lalu.




Beliau berkata demikian sebagai mengulas jawapan Timbalan Ketua Menteri I merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman pada sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-14 di sini.

Hadir sama, ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan ADUN Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq.

Sebelum itu, Zi Sen dalam soalan lisannya membangkitkan mengenai senarai masjid dan surau yang telah menerima peruntukan pembangunan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) serta senarai masjid dan surau yang siap sejak tahun 2008 mengikut lokasi serta daerah di negeri ini.



**(Dari kiri), AZRUL Mahathir Aziz, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq, Mohd. Tuah Ismail dan Gooi Zi Sen pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Azrul Mahathir menyatakan, jumlah peruntukan yang disalurkan tersebut berjaya menangkis serangan pihak pembangkang kononnya Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sebagai tidak mesra komuniti Islam.

"Soalan daripada YB Daniel (Zi Sen) jelas membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan sama sekali (pembangunan agama Islam) serta tidak melanggar perlembagaan, dan paling penting (Kerajaan Negeri) menghormati Islam sebagai agama rasmi.

"Malah, belanjawan yang dibentangkan Ketua Menteri sendiri memperlihatkan peningkatan peratusan yang diberikan kepada institusi-institusi Islam," jelasnya.

Terdahulu, semasa membentangkan Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2019, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan peruntukan sebanyak RM56.8 juta bagi tujuan mengukuhkan institusi Islam.

## Pentadbiran bersih membolehkan Pulau Pinang catat lebihan belanjawan setiap tahun

**GEORGE TOWN –** Amalan pentadbiran bersih berasaskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) meletakkan Pulau Pinang sebagai satu-satunya negeri di negara ini yang berjaya mencatatkan lebihan belanjawan setiap tahun sejak 2008.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng berkata, di bawah pentadbiran Pakatan Harapan, Pulau Pinang berjaya menaikkan rizab aset sehingga mencecah RM2.1 bilion berbanding hanya RM849 juta pada tahun 2007.

"Hutang Kerajaan Negeri juga berkurangan sebanyak 90 peratus iaitu kepada RM63 juta, sekaligus meletakkan Pulau Pinang sebagai negeri yang mempunyai kadar hutang paling rendah di negara ini.

"Ini juga menjadikan kedudukan kewangan Pulau Pinang lebih baik berbanding negeri-negeri yang dipimpin oleh parti-parti lawan termasuk Putrajaya semasa di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan semasa sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 12 November lalu.

Malah, Guan Eng yang juga Menteri Kewangan berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita Pulau Pinang juga menunjukkan peningkatan daripada RM31,381 pada 2007 kepada RM49,873 pada tahun lalu.

"Kita (Pulau Pinang) terus menjadi destinasi pilihan pelaburan langsung asing pembuatan berjumlah RM8.5 bilion pada tahun lepas.

"(Dan) apa yang paling penting adalah kekayaan ini harus dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat melalui pelbagai program melalui konsep masyarakat penyayang," jelasnya.

## Projek taman atas air *'Gurney Wharf'* dijangka siap 2021

**GEORGE TOWN –** Projek taman atas air dikenali *'Gurney Wharf'* yang dicadangkan Kerajaan Negeri akan dimulakan pada pertengahan tahun depan dan dijangka siap pada Ogos 2021.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, projek tersebut akan dibina di atas kawasan tebus guna tanah yang merangkumi keluasan 131 ekar bersebelahan Persiaran Gurney.

"Kebenaran Merancang untuk menebus guna tanah telah diluluskan pada 7 Disember 2016 oleh semua pihak termasuk kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar Terperinci (DEIA).

"Seperti yang dipersetujui, penambakan tanah bagi tujuan ini akan dibiayai sepenuhnya oleh pemaju Tanjung Pinang Development (TPD) Sdn. Bhd..

"Setelah penambakan disiapkan, keseluruhan kawasan tambakan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri, manakala sebahagian kawasan tersebut akan dibangunkan projek *'Gurney Wharf'*," katanya menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Lee Chun Kit pada sesi penggulungan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 15 November 2018.

Menurut Jagdeep, antara kemudahan awam yang akan dibina di kawasan projek berkenaan adalah *'skate park'*, kedai serbaneka, tandas awam (10 buah), taman permainan kanak-kanak, tempat letak kereta terbuka, kemudahan-kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) dan banyak lagi.



**JAGDEEP Singh Deo (kanan) dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.**

"Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa 87.2 peratus daripada responden menyokong projek ini.

"Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi sedang berunding dengan pihak TPD mengenai konsep serta cadangan yang dikemukakan, dan ia akan dimuktamadkan selepas kos dan pilihan terbaik dipersetujui oleh Kerajaan Negeri," ujarnya.

## Akta Pengurusan Strata bakal dikaji bagi merejuvenasikan perumahan awam

**GEORGE TOWN –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menegaskan bahawa skim perumahan awam yang disediakan Kerajaan Negeri adalah khusus untuk golongan miskin.

Bagaimanapun katanya, terdapat segelintir pemilik yang menjadikan perumahan awam sebagai alat untuk mengaut keuntungan dengan menyewakan rumah mereka kepada pihak lain yang mungkin boleh mendatangkan pelbagai masalah pada masa akan datang.

Justeru, bagi mengatasi masalah tersebut ulas beliau, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) akan dikaji bagi memasukkan peruntukan untuk merejuvenasi (peremajaan) perumahan awam yang mungkin mendapat bantahan daripada setengah pihak.

"Saya ambil contoh perumahan kos rendah *Rifle Range* kerana pemilikan strata telah dikeluarkan kepada pemilik-pemiliknya.

"Katakan, terdapat 3,000 unit rumah dan 100 pemilik daripada unit-unit ini tidak bersetuju dengan cadangan ini (rejuvinasi), maka Kerajaan Negeri tidak boleh masuk kerana tidak ada peruntukan yang membolehkan kita melaksanakan perkara itu.

"Tidak ada mana-mana peruntukan dalam undang-undang yang membolehkan kita (Kerajaan Negeri) memaksa pemilik selain mendapatkan persetujuan mereka.

"Oleh itu, terdapat cadangan untuk meminda Akta Pengurusan Strata bagi membolehkan projek merejuvinasi perumahan awam dapat dilakukan walaupun terdapat segelintir pemilik tidak bersetuju," ujar Jagdeep pada sidang media dekat Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini 15 November lalu.

Sebelum itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat semasa sesi penggulungan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Ke-14 menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga sedang meneliti kaedah baru bagi pemilikan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik.

"Satu jawatankuasa khas ditubuhkan baru-baru ini untuk melihat sama ada skim baru dibina dapat diwujudkan yang mana unit-unit kos rendah dan kos sederhana rendah yang dijual akan tetap menjadi milik Kerajaan Negeri melalui satu kaedah pajakan.

"Malah, pembeli asal juga boleh membeli rumah baru untuk menaik taraf kehidupan mereka daripada mendiami rumah kos rendah, kos sederhana rendah kepada rumah mampu milik.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mengambil semula unit tersebut dan disalurkan kepada pemohon baru yang tersenarai di dalam sistem," jelasnya.

# PAD, KOTAK langkah tingkatkan nilai seni dan budaya

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bakal membangunkan *Penang Art District* (PAD) yang bertindak sebagai pemangkin bidang industri kreatif di atas sebidang tanah berkeluasan 9.2 ekar bersebelahan Gat Lebuh Macallum dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di sini.

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata, pembangunan tersebut akan meningkatkan nilai seni dan budaya Pulau Pinang melalui penglibatan artis, tukang seni, pendidik dan masyarakat umum dalam program-program kesenian.

"PAD yang berkonsepkan 'bandar kontena' akan dilengkapi dengan taman landskap dan bakal menempatkan koleksi terbesar galeri seni, muzium budaya, ruang pameran, studio seni dan muzik, sekolah seni dan bengkel seni," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.




Dalam ucapan penggulungan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 itu juga, Soon Hin turut memaklumkan bahawa pembangunan sebuah lagi projek pusat komersial yang akan dikenali sebagai KOTAK atau *An Outdoor Community Street Mall For Arts & Culture* di Plot 214 Seksyen 8, Daerah Timur Laut (DTL).

Menurutnya, anggaran kos berkaitan sebanyak RM4 juta dan akan dibangunkan di atas tanah milikan Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

"KOTAK bakal dilengkapi dengan kemudahan premis dan gerai makanan, kedai fesyen, farmasi, kedai sukan dan lain-lain serta akan disewakan pada kadar yang rendah," jelasnya.

# JEP beri peluang pekerjaan khusus kepada atlet baharu tamat SPM

**PADANG KOTA -** Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri telah melancarkan program *'Junior Executive Program'* (JEP) dengan kerjasama syarikat multinasional elektronik tempatan iaitu NationGate Solution (M) Sdn. Bhd. (NationGate Solution) yang akan mengetengahkan peluang pekerjaan khusus kepada atlet-atlet Pulau Pinang yang baharu tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, golongan sasar tersebut kini dipercayai menghadapi masalah tiada hala tuju selepas tamat SPM, namun golongan berkaitan masih berminat untuk mewakili Pulau Pinang dalam bidang sukan.

"Melalui JEP, latihan kerja selama lapan bulan dengan gaji minimum sebanyak RM1,500 sehingga RM1,800 akan ditawarkan kepada atlet-atlet yang terpilih.

"Sebagai makluman semua, setelah pengumuman tersebut dibuat, terdapat beberapa syarikat lain yang berminat dalam JEP dan perbincangan sedang diadakan antara Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan syarikat-syarikat berkaitan.

"Justeru, saya memohon syarikat-syarikat yang berminat dalam projek tersebut boleh menghubungi pejabat saya di talian 04- 6505136 atau emel kepada *soonlipchee@penang.gov.my*," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini baru-baru ini.

Menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Muhammad Yusoff Mohd. Noor berkenaan keseimbangan sukan, Lip Chee menggariskan beberapa langkah yang bakal diambil dalam meningkatkan prestasi sukan kurang memberangsangkan.

"Antaranya, menyediakan jurulatih berkaliber, menaik taraf kemudahan dan infrastruktur sukan, meningkatkan



**SOON Lip Chee**

program bakat baharu di peringkat akar umbi, melipatgandakan kerjasama dengan agensi berkepentingan serta memberi penekanan terhadap pelaksanaan strategik pembangunan yang lebih kondusif dan efektif bagi memartabatkan sukan," jelasnya.

Berkenaan soalan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara Impian yang dikatakan kekurangan dana, Lip Chee memberitahu bahawa pada Oktober lalu, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM7,297 untuk pembekalan peralatan sukan olahraga dan (peralatan) sukan sepak takraw.

Berhubung peruntukan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Lip Chee menyatakan bahawa setelah penstrukturan baru dilaksanakan, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan RM5 juta kepada FAP bagi musim 2019 (Disember 2018 - November 2019).

"Di bawah pentadbiran Presiden FAP baharu (Dr. Amar Pritpal Abdullah, ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri), FAP telah menetapkan sasaran untuk membawa pasukan bola sepak Pulau Pinang berada di kedudukan lima pasukan teratas Liga Premier dan kemudian melayakkan diri ke Piala Liga Malaysia," ulas ADUN Bagan Jermal berkaitan.

# Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang demi pembangunan pelancongan lebih inklusif dan menyeluruh

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 'Meriam Timbul' di kawasan pantai sebelah Terminal Feri dekat Butterworth sebagai salah satu tempat bersejarah baharu di kawasan Seberang Perai.



**YEOH Soon Hin.**

Perkara tersebut diumumkan Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin sebagai respons kepada soalan yang diajukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees berhubung sektor pelancongan di kawasan tanah besar.

Soon Hin berkata, untuk tujuan itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menyediakan satu dokumentari pendek mengenai sejarah Meriam Timbul.

"Dokumentari ini dijangka akan diterbitkan pada penghujung tahun ini.

"Oleh kerana kawasan 'Meriam Timbul' terletak berdekatan dengan hab pengangkutan, maka akses ke kawasan tersebut adalah lebih mudah dan berpotensi untuk dikenali," ujarnya yang juga ADUN Paya Terubong.

Selaku Exco bertanggungjawab, Soon Hin turut memaklumkan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan rancangan pembangunan pelancongan yang lebih inklusif dan menyeluruh.

"Matlamat pelan ini adalah untuk menetapkan hala tuju strategik pembangunan pelancongan Pulau Pinang bagi tempoh sehingga tahun 2030 selari dengan visi *Penang2030*," ujarnya.

# Skim Pinjaman Harapan diteruskan dengan dana tambahan RM1 juta

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri akan meneruskan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bagi membantu usahawan dan peniaga-peniaga kecil menambah modal pusingan dalam perniagaan.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain menyatakan bahawa untuk tujuan berkenaan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana tambahan berjumlah RM1 juta dalam Belanjawan 2019 Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan Ketua Menteri baru-baru ini.

"Manakala dari segi bayaran balik pinjaman SPH setakat 31 Oktober 2018 adalah sebanyak 85 peratus, dan merupakan peratusan bayaran balik yang terbaik setakat ini.

"Justeru, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada kumpulan Bahagian Pembangunan Usahawan PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) atas kerja keras bagi memastikan kutipan bayaran balik dapat dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut jadual ditetapkan," katanya menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Muhamad Yusoff Mohd. Noor pada sesi penggulungan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 15 November lalu.

Dalam pada itu, Abdul Halim menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga menyambut baik cadangan supaya SPH ditingkatkan daripada RM1 juta kepada RM2 juta.

"Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan tersebut pada masa akan datang," ujarnya sebagai respons kepada cadangan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

SPH yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) adalah skim pinjaman mikro kredit dengan matlamat membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal yang mudah serta tidak membebankan peniaga kecil di negeri ini.

Skim tersebut disalurkan tanpa sebarang cagaran, penjamin dan caj perkhidmatan untuk tahun pertama dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksimum RM25,000 melalui tempoh bayaran balik antara satu hingga tiga tahun.

# Perhalusi rangka dasar keluarga selaras visi *Penang2030*




Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri bersama-sama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) kini dalam proses merangka sebuah dasar keluarga yang bakal dilaksanakan di Pulau Pinang sejajar dengan visi *Penang2030*, ujar Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng.

Menurut Chong Eng, polisi tersebut akan menjadi kerangka kerja dalam merancang, melaksana dan memantau program-program serta projek-projek untuk memenuhi keperluan keluarga di Pulau Pinang.

"Bagi mencapai visi itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberikan peruntukan untuk program-program yang bermanfaat terhadap keluarga seperti penganjuran Hari Keluarga Peringkat Negeri yang akan dijadikan program tahunan.

"Selain sambutan hari keluarga, kita (Kerajaan Negeri) juga akan mengkaji untuk memperkenalkan garis panduan waktu kerja fleksibel yang membolehkan ibu bapa bekerja syif dapat meluangkan lebih banyak masa berkualiti dengan anak masing-masing dan berharap agar sektor swasta turut mengimplementasikan garis panduan berkenaan.

"Walaupun bekerja, sebagai ibu bapa, kita perlu memastikan dapat meluangkan masa bersama anak-anak," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Melalui visi *Penang2030* yang diumumkan Ketua Menteri baru-baru ini antara lainnya adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang berorientasikan kekeluargaan.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu bahawa visi tersebut telah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang memfokuskan kepada institusi kekeluargaan.

"Kepentingan institusi keluarga tidak dapat dinafikan kerana pembentukan akhlak serta sahsiah generasi muda adalah bermula daripada institusi kekeluargaan.

"Keruntuhan sebuah keluarga dari segi moral, agama, sahsiah, serta nilai-nilai murni merupakan punca utama masalah-masalah sosial yang saban hari berleluasa tidak kira di kampung atau bandar kerana anak-anak memerlukan bimbingan, didikan serta kasih sayang ibu bapa.

"Ibu bapalah yang akan membentuk acuan untuk anak-anak menempuh masa depan mereka," ulas beliau.

## ADUN saran perluas penguasaan sains ke kawasan luar bandar

**GEORGE TOWN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng menyarankan Kerajaan Negeri memperluaskan penguasaan sains ke kawasan-kawasan luar bandar.

Jelasnya, inisiatif tersebut penting dalam usaha mempersiapkan Pulau Pinang bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

"Pertambahan jumlah pengunjung ke Pameran Sains Antarabangsa Pulau Pinang (PISF) baru-baru ini menunjukkan bahawa berlaku peningkatan dalam kalangan pelajar-pelajar luar bandar yang menyertai program berkaitan sains yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

"Oleh itu, dengan slogan "Data adalah Raja, Bakat adalah Segalanya", Kerajaan Negeri mula melabur dalam kelas latihan serta bengkel untuk pengekodan komputer melalui *Penang Science Cluster* (PSC) serta penekanan kepada pendidikan STEMA (sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan akaun/seni) melalui *Penang Future Foundation Fund* (PFF) sejak tahun 2015," ujar beliau semasa sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 12 November lalu.

Mengulas lanjut, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menjelaskan, Kerajaan Negeri turut membina Perpustakaan Digital bagi menempatkan buku-buku elektronik khas mata pelajaran STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) sebagai pelaburan dalam mengukuhkan lagi asas Revolusi Industri 4.0.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga mewujudkan Pusat Pembelajaran Karpal Singh yang memberi penekanan kepada pendidikan STEM selain *Tech Dome Penang* dan Pesta Sains Antarabangsa Pulau Pinang.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk meneruskan inisiatif-inisiatif terdahulu seperti perpustakaan digital, PSC, *Tech Dome (Penang)*, pusat tuisyen rakyat yang bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat muda bagi memenuhi keperluan industri pada masa akan datang," katanya yang juga mantan Ketua Menteri Pulau Pinang.

## Tiga projek perintis KAFA menengah bakal dilaksanakan

**GEORGE TOWN** - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa sistem pendidikan Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) akan diwujudkan di peringkat menengah.

Katanya, projek perintis KAFA peringkat menengah berkenaan akan dilaksanakan membabitkan tiga sekolah iaitu di Qaryah Masjid Taman Bertam Indah, Qaryah Lahar Tiang dan Qaryah Masjid Simpang Empat Permatang Buluh, Tasek Gelugor

"Saya sedang dalam perancangan membentuk dasar dan menggubal peraturan untuk mewujudkan pendidikan KAFA di peringkat menengah.

"InsyaAllah dalam masa terdekat ini sebanyak tiga buah sekolah KAFA menengah akan diwujudkan sebagai perintis berdasarkan pihak-pihak KAFA sendiri dengan sokongan pihak masjid," jelasnya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 15 November 2018.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal berkata demikian sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq.

Tambah beliau, projek perintis KAFA menengah itu adalah hasil usahasama antara Bahagian Pendidikan Islam bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Bahagian Pendidikan Islam bagi Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin menyatakan bahawa setakat ini, sejumlah 208 KAFA berjaya diwujudkan di peringkat sekolah rendah.


**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.**

Tambahnya, bagi KAFA sekolah rendah sahaja adalah melibatkan kira-kira 1,572 guru dan 36,013 pelajar.

Dalam perkembangan lain, kata Ahmad Zakiyuddin, pihaknya sedang melihat komitmen kewangan daripada peruntukan zakat dan juga agensi-agensi lain bagi memenuhi peruntukan tambahan kepada institusi pendidikan swasta dan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

"Sekiranya terdapat pertambahan kutipan zakat, InsyaAllah kita (Kerajaan Negeri) akan memberi tumpuan khusus kepada penambahbaikan pengurusan dan pentadbiran serta kebajikan guru-guru akan lebih terjamin," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat.

## Kerajaan Negeri serius perihal banjir, laksana 164 projek setakat Oktober lalu

**GEORGE TOWN** – Setakat Oktober 2018, sebanyak 164 projek tebatan banjir sedang dilaksanakan di seluruh Pulau Pinang dengan jumlah peruntukan RM245,352,769.70.

Perkara itu dimaklumkan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari ketika sesi penggulungan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 baru-baru ini.

Menurut Zairil, semua projek tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri termasuk agensi-agensi kerajaan berkaitan.

"Ini termasuk projek-projek berimpak tinggi serta semua projek agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di bawah caruman perparitan atau caruman infrastruktur.

"Kerajaan Negeri sememangnya serius dan mengambil berat perihal isu banjir di negeri ini, justeru bagi tahun 2019, pelaksanaan projek-projek ini akan diteruskan malah akan ditambah lagi," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga di sini.

Beliau berkata demikian sebagai maklum balas kepada isu yang dibangkitkan ADUN Sungai Dua yang merujuk kepada Belanjawan 2019 Negeri dengan menyatakan bahawa jumlah projek tebatan banjir yang akan dilaksanakan dalam tahun 2019 di bawah JPS adalah kurang.

Tambahan itu, Zairil menyatakan bahawa peruntukan sebanyak RM150 juta telah diluluskan bagi melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.

"Menteri Kewangan baharu telah pun meluluskan peruntukan RM150 juta untuk melaksanakan RTB Sungai Pinang yang sememangnya sudah terlalu lama dinanti-nantikan penduduk Pulau Pinang.

"Di samping itu juga, ada beberapa projek lain seperti RTB Teluk Kumbar, RTB Teluk Bahang dan RTB Pondok Upeh akan disusuli pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan," jelasnya lanjut.

Manakala, merujuk kepada cadangan *Penang Flood Master Plan* diwujudkan bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini, Zairil dalam responsnya berkata, Pelan Induk Saliran Mesra Alam (DMP) telah disediakan di semua daerah di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri melalui JPS Pulau Pinang telah menyediakan DMP untuk semua daerah yang akan dan telah diguna pakai sebagai rujukan dalam perancangan pembangunan di negeri ini berfungsi sebagai garis panduan bagi proses merancang, pemajuan serta penaiktarafan sistem perparitan.

"Bagi DMP Seberang Perai Utara (SPU) dijangka siap hujung bulan Disember 2018; DMP Seberang Perai Tengah, SPT (telah disiapkan April 2016); DMP Seberang Perai Selatan, SPS (telah disiapkan Disember 2017).

"Bagi kawasan pulau, DMP Daerah Timur Laut (DTL) telah disiapkan September 2018 dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) pada Oktober lalu dan DMP Daerah Barat Daya, DBD (telah disiapkan November 2013) kajian semula dijangka pada tahun 2019," ulas beliau.

# Kerajaan Negeri harap diberi pelepasan cukai SST, lebihan tunai disalur untuk projek rakyat

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri boleh memohon untuk diberi pengecualian cukai jualan di bawah pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) seperti yang termaktub di dalam Akta Cukai 2018.




"Semasa pelaksanaan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan), tiada sebarang pengecualian cukai diberikan kepada Kerajaan Negeri.

"Sehubungan itu, sekiranya pelepasan cukai ini (SST) diberikan maka dari segi impak kewangannya, Kerajaan Negeri dapat menjimatkan perbelanjaan dan mempunyai lebihan tunai," katanya semasa menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz pada sesi perbahasan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 16 November lalu.

Justeru, kata Kon Yeow, lebihan tunai tersebut dapat disalur bagi membangunkan pelbagai projek tambahan untuk manfaat dan kesejahteraan seluruh penduduk di negeri ini.

Terdahulu, Azrul Mahathir dalam soalan lisan membangkitkan mengenai impak kewangan yang dirasai oleh Kerajaan Negeri sebaik sahaja GST dimansuhkan dan diganti dengan pelaksanaan SST sejak 1 September 2018.

## Beri insentif kepada penduduk pasang CCTV di premis sendiri, cadang ADUN

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberikan insentif kepada penduduk di negeri ini yang mengambil inisiatif memasang sendiri kamera litar tertutup (CCTV) di premis-premis milik mereka.

Menurut beliau, insentif yang boleh dipertimbangkan adalah melalui potongan cukai pintu kepada penduduk dan pemilik premis yang mengambil tindakan sedemikian dan menjadi Rakan Keselamatan Kerajaan.

"Cadangan ini tidak bercanggah dengan dasar pengurangan cukai pintu yang diumumkan baru-baru ini, malah mampu memberikan kesan yang ketara dalam membentuk sebuah negeri selamat melalui kerjasama antara kerajaan dan rakyat.

"Walau bagaimanapun, pemotongan cukai pintu hanya boleh diberikan kepada penduduk yang memasang CCTV dengan memenuhi kriteria seperti kualiti, kuantiti, sudut yang dipasang dan juga kesediaan membekalkan rakaman video kepada PDRM (Polis Diraja Malaysia) sekiranya perlu.

"Dan insentif ini juga hanya boleh dinikmati sekali dalam tempoh tertentu misalnya lima tahun sekali," ujarnya pada sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 13 November lalu.

Terdahulu, Kerajaan Negeri dalam manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 menyasarkan sebanyak 1,000 unit CCTV dipasang di seluruh Pulau Pinang.

## Iktiraf Jalan Bagan Luar sebagai *Butterworth Art District*, saran ADUN Bagan Dalam

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri disarankan untuk menukar status bangunan lama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Jalan Bagan Luar yang terbengkalai sejak sekian lama kepada Pusat Belia Butterworth *(Butterworth Youth Center)*.

Cadangan tersebut dikemukakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees semasa sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 12 November 2018.

Menurut beliau, kertas cadangan berhubung perkara itu telah disiapkan, dan kini pihaknya hanya menunggu dana khususnya daripada kerajaan Persekutuan.

"Jawi dapat Arena Nibong Tebal dengan sembilan gelanggang badminton, jadi saya minta perhatian juga harus diberikan kepada kawasan Bagan Dalam.

"Justeru, saya juga sedang merayu kepada Kementerian Belia dan Sukan serta Air Putih (Lim Guan Eng) untuk mendapatkan dana daripada kerajaan Persekutuan, bagi pembangunan kawasan tersebut.

"Pada masa sama, saya juga meminta kepada Kerajaan Negeri agar mempertimbangkan untuk membiayai separuh daripada kos tersebut," ujarnya.

Dalam pada itu, Satees turut mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengiktiraf Jalan Bagan Luar sebagai *Butterworth Art District* memandangkan kawasan tersebut semakin popular dalam kalangan peminat seni.



**M. Satees.**

"Saya juga menyeru supaya satu mekanisme atau dasar digubal bagi memperkasakan seniman jalanan dan 'melesenkan' mereka dengan kadar yang tidak terlalu mahal supaya pihak-pihak berkaitan dapat berkarya dengan bebas tanpa melanggar undang-undang," sarannya.

Terdahulu, dalam pembentangan Belanjawan Negeri Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyebut bahawa Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah seluas 9.2 ekar untuk dijadikan sebagai *Penang Art District* di bahagian pulau Pulau Pinang.

Klik Buletin Mutiara




**HARI kelahiran ADUN Komtar, Teh Lai Heng dan ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim diraikan rakan-rakan ADUN yang lain di dewan makan DUN baru-baru ini.**



**ADUN Padang Lalang, Chong Eng (kanan) dan ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim ketika berjalan keluar dari dewan persidangan.**



***POSE* bersahaja ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon (kiri) dan ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.**

# Bangunan lama MPSP dicadang sebagai UTC Pulau Pinang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya mempertimbangkan bangunan lama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Butterworth sebagai Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, syarikat berkaitan juga telah berhubung dengan MPSP bagi membincangkan perkara tersebut sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

"Bangunan lama MPSP memang ditawarkan untuk dipertimbangkan sebagai UTC, namun sehingga sekarang masih belum ada perkembangan positif mengenainya.

"Malah, MPSP juga berharap agar ia dapat dipertimbangkan kerana lokasinya yang berdekatan dengan *Penang Sentral*," kata beliau pada sidang media di sini 14 November lalu.

Mengulas cadangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail yang mahukan sebuah pusat sehenti dibina di Balik Pulau, Kon Yeow menyatakan bahawa perkara itu perlu mengambil kira permintaan serta keperluan penduduk agar perkhidmatan yang ditawarkan dapat dinikmati sebaiknya.

"Sekiranya terdapat keperluan serta peruntukan kewangan membenarkan, Kementerian Kewangan akan mewujudkan UTC di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi.

"Malah, bagi tahun 2019, Kementerian Kewangan dalam perancangan untuk menubuhkan UTC Pulau Pinang berdasarkan kepada ketersediaan dan keperluan," ujarnya pada sesi perbahasan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14.




## Infrastruktur awam, potensi pelancongan Pulau Aman bakal dikaji

**GEORGE TOWN** - Agensi Negeri, *Penang Global Tourism* (PGT) akan mengkaji cadangan-cadangan memperbaiki infrastruktur awam serta produk pelancongan di Pulau Aman untuk tujuan pelancongan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberi respons kepada soalan lisan tambahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

"*Penang Global Tourism* (PGT) akan mengkaji mana-mana cadangan supaya pulau-pulau yang dinamakan ini dapat diperbaiki kemudahan asasnya bagi menjadi tempat yang lebih selesa untuk kunjungan pelancong," jelasnya dalam Sesi Soal Jawab Lisan Mesyuarat Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Pun begitu, menurut beliau, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 30 Ogos 2016 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan Bercampur bagi beberapa lot tanah untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd..

Susulan itu, katanya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan semula tapak *Jerejak Rain Forest Resort* dengan projek pembangunan bercampur seperti hotel, pangsapuri servis dan kondominium.

Tambah Kon Yeow, Jabatan Perancang Negeri pada 29 Jun 2018 turut meluluskan Kebenaran Merancang yang dimohon oleh Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. untuk pemajuan sebuah jambatan ke Pulau Jerejak.

Sebelum itu, beliau turut memberi penjelasan kepada soalan Choon Aik, iaitu mengenai pemilikan tanah Kerajaan Negeri di beberapa pulau di Pulau Pinang.

Kon Yeow memberitahu, 68 ekar daripada keseluruhan 155.85 ekar di Pulau Aman adalah milik Kerajaan Negeri; begitu juga di Pulau Gedung (122 ekar daripada keseluruhan 166.94 ekar); Pulau Kendi (70.637 ekar daripada 78.74 ekar); Pulau Rimau (2.268 ekar daripada 92.6 ekar) dan Pulau Jerejak (702 ekar daripada 830 ekar).

Beliau memberitahu bahawa semua tanah milik Kerajaan Negeri di Pulau Aman dan Pulau Jerejak dilingkungkan sebagai zon pelancongan, sementara di Pulau Gedung, Pulau Kendi dan Pulau Rimau, zon Hutan Simpan.

## ADUN syor diskaun 20% tol Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

**GEORGE TOWN** - Penduduk negeri serta mereka yang bekerja di negeri ini patut menikmati diskaun tol sebanyak 20 peratus sekiranya menggunakan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, sebagaimana di Jambatan Pertama Pulau Pinang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik memberi cadangan itu dalam sesi soal jawab lisan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari.




GOH Choon Aik.

"Adakah Kerajaan (Negeri) bercadang untuk memberikan diskaun ini sepertimana di Jambatan Pulau Pinang, penduduk negeri ini menikmati diskaun 20 peratus daripada RM7 kepada RM5.60 sahaja bayaran tol," katanya di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini 16 September 2018.

Lalu, Zairil menyifatkan syor Choon Aik itu sebagai cadangan yang baik, namun kuasa untuk melaksanakannya bukan di bawah Kerajaan Negeri.

"Ini adalah cadangan yang baik, tetapi perbincangan lanjut perlu dilakukan antara kerajaan Persekutuan dan syarikat konsesi.

"Kerajaan negeri boleh mencadangkan perkara ini, tetapi bukannya membuat keputusan.

"Boleh bayangkan sama ada perkara (diskuan tol) boleh dilaksanakan... ini kerana kos operasi di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah untuk 2017 adalah RM121 juta, tetapi kutipan tol hanya berjumlah RM38 juta," jelasnya.

Sebelum itu, Choon Aik meminta Zairil menjelaskan sama ada pihak Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) bercadang untuk mengurangkan kadar tol di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Zairil memberitahu bahawa buat masa ini tiada perubahan kadar tol di jambatan kedua tersebut.

Beliau turut menjelaskan bahawa pihak-pihak berkepentingan sedang saling berbincang mengenai cadangan kenderaan berat menggunakan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sahaja, demi mengurangkan lagi cabaran trafik sesak di Jambatan Pertama Pulau Pinang.

"Perbincangan perlu dibuat daripada pelbagai pihak iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Plus Malaysia Berhad (PLUS), Jambatan Kedua Sdn. Bhd. dan Kerajaan Persekutuan. Kuasa untuk mengehadkan boleh dilakukan oleh Menteri Kerja Raya," ujarnya.

## Taman tema di Pulau Jerejak, TIRSB belum kemuka Permohonan Kebenaran Merancang kepada PBT

**GEORGE TOWN** - Sebuah taman tema bakal dibangunkan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. (TIRSB) dekat Pulau Jerejak di bawah pelan induk projek pembangunan bercampur yang diluluskan Kerajaan Negeri pada 30 Ogos 2016.

Perkara itu dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 14 November lalu.

"Berdasarkan kepada pelan induk yang diluluskan dalam projek tersebut, pihak TIRSB bercadang membangunkan taman tema di bahagian selatan Pulau Jerejak.

"Walau bagaimanapun, TIRSB belum mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi cadangan tersebut," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi cadangan pembangunan bercampur serta pembinaan sebuah jambatan baru untuk menghubungkan Pulau Jerejak dengan bahagian pulau telah dikemukakan oleh TIRSB.

"Laporan EIA telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 Jun lalu untuk pertimbangan dan kelulusan.

"Kajian impak kepada sistem ekologi juga diambil kira dan dimasukkan dalam laporan berkenaan yang telah diluluskan oleh pihak JAS pada 20 Julai 2018," jelasnya sebagai menjawab soalan ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.

# Ketua Menteri kerah aktifkan COMBI

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memandang serius berhubung tiga kes kematian berdaftar akibat denggi dalam tempoh 14 hari bermula pada minggu ke-43.

Justeru, beliau berharap 123 pasukan COMBI atau Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku di peringkat negeri dapat digerakkan sebagai langkah pencegahan awal wabak itu.

"Salah satu strategi utama jawatankuasa khas ini adalah memperkasa dan memobilisasi komuniti untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan denggi," jelasnya ketika merasmikan Karnival Kesedaran Denggi di *Tech Dome* Pulau Pinang di sini 17 November 2019.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng mewakili Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong sekali lagi memberitahu bahawa Belanjawan 2019 Negeri turut memperuntukkan RM428,333 untuk meneruskan Inisiatif Pulau Pinang Bebas Denggi pada tahun hadapan.

Mengulas lanjut, menurutnya, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus melanggan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) iaitu suatu mekanisme untuk meramal lokasi wabak yang akan berlaku di satu-satu kawasan bagi membolehkan tindakan kawalan vektor dilaksanakan dengan lebih awal.



**KETUA Menteri menunjukkan replika nyamuk Aedes kepada beberapa pengunjung cilik bersempena penganjuran Karnival Kesedaran Denggi di sini baru-baru ini.**

## Pulau Pinang Bebas Asap Rokok dapat pengiktirafan antarabangsa

Gambar : **EXCO**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang dan Melaka sebagai negeri bebas asap rokok masing-masing memperoleh pengiktirafan antarabangsa, Pertubuhan Kawalan Tembakau Asia Tenggara (SEATCA) serta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Mewakili Pulau Pinang, Dr. Afif Bahardin sendiri menerima anugerah tersebut semasa Mesyuarat Serantau Asap Bebas Asap Ke-6 Wilayah Asia Pasifik yang berlangsung di Hoi An, Vietnam pada 20 November 2018.

"Usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bebas asap rokok telah mendapat pengiktirafan antarabangsa," jelasnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan dalam kenyataan bertulis di sini.

Justeru, bagi Afif, pengiktirafan antarabangsa itu bukan sahaja mengharumkan nama negara, bahkan mempromosi lagi George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Terdahulu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2012 melancarkan kempen Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) untuk memenuhi Perkara 8 Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC) WHO.

Program PENBAR itu dilaksanakan dengan perkongsian pintar antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, Kementerian Kesihatan, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySIHAT) dan pelbagai NGO seperti Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (MAKNA) serta *Green Lung* dan pihak berkuasa tempatan (MBPP).

"Ia dimulakan untuk melindungi komuniti Pulau Pinang daripada asap rokok *(second-hand smoke)* dengan melaksanakan dasar bebas asap rokok yang berkesan.

"Bagi permulaan, enam taman rekreasi telah diwartakan sebagai taman bebas asap rokok sejak 1 Oktober 2012, diikuti dengan larangan merokok dekat semua bangunan dan kawasan awam di Tapak Warisan Dunia George Town pada 4 Julai," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.




**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) mewakili Kerajaan Negeri menerima anugerah pengiktirafan antarabangsa dari SEATCA serta WHO baru-baru ini.**

# *Penang2030*, setiap orang boleh mainkan peranan penting untuk masa depan Pulau Pinang

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA -** Seramai 1,000 peserta berdaftar termasuk anak dan cucu menyertai acara Jalan Ria 2.0 Tahun 2018 sepanjang 5.7 kilometer (km) dari perkarangan parkir Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow diiringi Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud menyempurnakan acara pelepasan para peserta.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis bagi MPSP yang lain.

Kon Yeow dalam ucapannya sebelum ini berkata, acara berorientasikan kekeluargaan tersebut dianjurkan selari dengan *Penang2030* iaitu wawasan pembangunan masa depan negeri ini dalam tempoh 12 tahun sehingga 2030 nanti.

Justeru, Kon Yeow berharap MPSP dapat menganjurkan program seumpamanya dengan menggalakkan partisipasi semua anggota keluarga daripada golongan datuk dan nenek sehinggalah ke peringkat cucu.

"Misi ini *(Penang2030)* baru dilancarkan... saya percaya setiap orang boleh memainkan peranan yang penting untuk masa depan negeri Pulau Pinang.

"Saya percaya program seperti ini dapat dianjurkan oleh MPSP dari sekarang hingga 2030," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada penganjuran berkaitan di sini 17 November 2018.

Justeru, Kon Yeow menyeru seluruh rakyat Pulau Pinang untuk menghayati *Penang2030* yang memberi tumpuan kepada usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri mesra keluarga, pintar dan hijau.



**KETUA Menteri bersama-sama Soon Lip Chee (barisan depan, kanan sekali) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) pada penganjuran Jalan Ria 2.0 Tahun 2018 di sini baru-baru ini.**



***POSE* santai para peserta.**

Dalam pada itu, Rozali pula memberitahu bahawa pentadbirannya sedang menyusun program-program pada tahun hadapan berdasarkan wawasan *Penang2030*.

"Berdasarkan wawasan *(Penang2030)* itu, MPSP pada tahun depan (2019) akan melaksanakan program-program berpaksikan rakyat.

"Sepanjang tahun 2019, kita (MPSP) akan melaksanakan program mesra rakyat, mesra keluarga... program seumpama ini (Jalan Ria) akan diteruskan dengan meningkatkan aktiviti-aktiviti bersama keluarga.

"Kita harap, kalau boleh selepas ini, peserta yang pernah menyertai program-program MPSP dapat membawa anggota keluarga lain, datuk dan nenek sampai cucu, kerana program seumpama ini adalah untuk semua (kelas) umur keluarga," ujarnya.

Selepas selesai acara berkaitan, di perkarangan parkir MPSP turut berlangsung konsert keluarga dengan penampilan kumpulan terkenal, Kame Buskers, sudut pameran dan berswafoto serta trak makanan.



**AKSI sebahagian peserta yang mengambil bahagian.**

## Tiga projek RMM bawah Kerajaan Negeri jangka serah kunci serentak

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS –** Tiga projek rumah mampu milik (RMM) di bawah Kerajaan Negeri dijangka siap dan bakal diserahkan kunci menjelang pertengahan tahun hadapan.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, projek-projek tersebut ialah Dua Residensi dekat Teluk Kumbar dan Jiran Residensi (Kampung Jawa, Butterworth) di bawah kelolaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) manakala projek *The Rise*, S.P. Chelliah (Zubicon Sdn. Bhd.).

"Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan bekalan rumah yang mencukupi, tiga projek di bawah Kerajaan Negeri ini dijangka siap dan diserahkan kunci kepada pembeli serentak pada pertengahan 2019," ujarnya sejurus mengadakan lawatan ke projek Dua Residensi di sini 8 November lalu.

Hadir sama, wakil-wakil PDC, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan kontraktor dilantik bagi projek berkaitan.

Terdahulu, Jagdeep turut mengemas kini perkembangan Dua Residensi yang merangkumi dua blok dengan 436 unit kos sederhana rendah (KSR) dan 348 unit (RMM) yang telah 94 peratus siap serta menepati jadual ditetapkan.

"Sebagai Exco, apabila rancang nak bina rumah kos sederhana rendah (KSR) dan RMM, kita mesti pastikan pemaju ikut garis panduan masa ditetapkan kerana ianya ada impak terhadap pembeli, perkara ini saya telah tegaskan berulang kali.

"Untuk itu, saya sering membuat pemeriksaan sendiri secara mengejut terhadap projek-projek Kerajaan Negeri melalui PDC," jelasnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Pada sesi lawatan sama, Jagdeep turut menekankan aspek kualiti yang perlu dititikberatkan dalam setiap projek Kerajaan Negeri agar ia setanding atau lebih baik daripada projek di bawah pemajuan pihak swasta.

"Malah, ada projek di bawah kita (Kerajaan Negeri melalui PDC) yang diiktiraf sebagai *Green Building Index* (GBI) *Gold* ekoran menepati piawaian ditetapkan," ulas beliau.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil PDC, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri dan pemaju bersempena lawatan beliau ke tapak projek berkaitan di sini baru-baru ini.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 8133 509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




1hb Januari 2019
***City Walk***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow




## Pembangunan Infrastruktur

TERAS 1



Memperuntukkan **RM39.3** juta untuk projek-projek menaik taraf dan pembinaan jalan raya baru di negeri ini.

Memperuntukkan **RM2 juta** bagi meningkatkan akses dan menaik taraf jalan-jalan kampung.

## Bandar Pintar *(Smart City)*

TERAS 1



Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan liputan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan internet melebihi **100Mbps**

## Perumahan Mampu Milik dan Selesa

TERAS 1



Sehingga 2018, sebanyak **97,242** unit rumah mampu milik **telah siap dibina, sedang dibina dan akan dibina.**

Pembinaan **18 projek** meliputi **27,080 unit** rumah mampu milik di kelima-lima daerah menjelang tahun 2025.

## Penyelenggaraan Rumah Awam Kerajaan Negeri

TERAS 1



RM8.4 juta diperuntukkan untuk menyelenggara rumah-rumah di Rancangan Perumahan Awam, yang mana **RM6.8 juta untuk inisiatif Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus** (TPM80).

## Keprihatinan Terhadap Kebajikan dan Penjagaan Rakyat

TERAS 1



**Program-program i-Sejahtera** yang merangkumi program pemberian bantuan Warga Emas, Ibu Emas, Anak Emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Pelajar Emas telah dinikmati hampir 1.6 juta rakyat Negeri Pulau Pinang dengan jumlah bantuan kewangan yang diberikan sebanyak **RM412.63 juta** sejak tahun 2008.

## Mutiara Food Bank

TERAS 1



Konsep Mutiara Food Bank adalah mengumpulkan makanan daripada pasar raya-pasar raya besar dan agihkan kepada kumpulan masyarakat yang kurang berkemampuan.

Sehingga kini, seramai 23,576 orang penerima telah menerima manfaatnya sejak tahun 2017.

## Pusat Transit Gelandangan

TERAS 1



Sebuah Pusat Transit Gelandangan akan dibangunkan untuk bantu golongan gelandangan. Sebanyak **RM560,000.00 dianggarkan akan diperuntukkan bagi Latihan Kemahiran kepada Gelandangan Produktif dan Penempatan Kekal** kepada Gelandangan Tidak Produktif.

## Meningkatkan Keselamatan dan Kebersihan Awam

TERAS 1



Kerajaan Negeri melalui MBPP akan memperuntukkan sejumlah **RM7.40 juta untuk memasang 150 unit CCTV pada tahun 2019.** Jumlah keseluruhan CCTV di pulau sebanyak 917 unit dengan kerjasama pihak PDRM untuk fungsi pengecaman wajah *(facial recognition).*

RM2.5 juta diperuntukkan di kawasan Seberang Perai melalui MPSP bagi memasang 30 unit CCTV di seluruh Seberang Perai pada tahun 2019, jumlah keseluruhan sebanyak 160 unit.

## Menjana Pelaburan dan Perindustrian

TERAS 2



Kerajaan Negeri melalui *investPenang* telah menawarkan Skim Insentif Penang i4.0 dengan dana berjumlah RM4.0 juta (USD 1 juta) pada awal tahun 2018. Dana ini diharapkan dapat membantu para usahawan dan mengekalkan potensi Pulau Pinang sebagai *Silicon Valley of Asia*. Untuk peringkat pertama, dana Penang i4.0 telah meluluskan sejumlah RM1.67 juta kepada 16 usahawan.

## Pertumbuhan Industri Halal

TERAS 2



Penganjuran PIHEC akan diteruskan pada tahun 2019 dengan jangkaan 330 gerai pameran dengan penyertaan pemain industri halal.

## Menggalakkan Penyertaan Rakyat Dalam Perniagaan

TERAS 2



*GBS @ By The Sea* dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta melibatkan dua fasa pembinaan. Fasa pertama telah bermula pada Januari 2018 dan dijangka siap pada tahun 2020, mampu menyediakan 3,000 peluang pekerjaan. Sementara, GBS PDC di Bayan Baru, dianggarkan kos binaan sebanyak RM20 juta dan dijangka siap September 2019.

## Skim Bantuan Modal Kepada Usahawan

TERAS 2



Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) dijenamakan sebagai Skim Pinjaman Harapan (SPH) dengan peruntukan berjumlah **RM1 juta untuk membantu peniaga-peniaga kecil** bagi menambah modal untuk mengembangkan perniagaan mereka.

## Merancakkan Sektor Pelancongan

TERAS 2



Membangun Pulau Pinang sebagai hab *eSport* di Malaysia. Justeru, program **Penang eSports Festival (PeF2019)** akan mula mengambil tempat pada tahun 2019 dan bakal menjadi satu lagi tarikan baharu di Pulau Pinang.

## Memelihara Kekayaan Khazanah Warisan Negeri

TERAS 2



Projek Rejuvenasi Sia Boey sebagai Taman Hijau Arkeologi Bandar akan memberikan imej baharu kepada Negeri Pulau Pinang.

## *George Town Conservation and Development Corporation*

TERAS 2



GTCDC juga dalam perancangan untuk kerja-kerja menaik taraf kawasan *East Seafront* di sepanjang kawasan gudang terbiar bersebelahan *Swettenham Pier Cruise Terminal.* Kawasan ini akan dipulihara dan akan dijadikan kawasan ruang awam untuk tujuan riadah/ rekreasi. Kos awal adalah dianggarkan berjumlah RM4 juta.

## Wanita Sebagai Tunggak Negeri

TERAS 3



**Sejumlah RM200,000.00** akan diperuntukkan bagi portfolio **Keterangkuman Gender** untuk melaksanakan pelbagai program pada tahun 2019.

## Transformasi Pendidikan #1

TERAS 3



Bagi menggalakkan pembelajaran STEM, Kerajaan Negeri sedang membangunkan ***Penang Digital Library (PDL)*** **Fasa 2 dengan kos sebanyak RM10.8 juta.** Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan bilangan bahan bacaan elektronik kepada 20,000 unit.

## Transformasi Pendidikan #2

TERAS 3



Kerajaan Negeri sedang membina sebuah perpustakaan digital di kawasan Butterworth, Seberang Perai yang akan dikenali sebagai ***Butterworth Digital Library (BDL),*** dijangka siap pada Oktober 2019 dengan kos keseluruhan sebanyak RM4.6 juta.

## Transformasi Pendidikan #3

TERAS 3



RM5 juta akan diperuntukan oleh Kerajaan Negeri, melalui MAINPP bagi menubuhkan **Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang (PIDL)** yang dijangka siap pada suku ketiga tahun 2019.

## Membudayakan Sukan dan Riadah #1

TERAS 3



Kerajaan Negeri juga akan membina sebuah lagi Kompleks Sukan Bertaraf Antarabangsa yang terdiri daripada **12 gelanggang badminton di Daerah Timur Laut (DTL),** dengan kos RM30 juta.

## Membudayakan Sukan dan Riadah #2

TERAS 3



Kerajaan Negeri akan membina Nibong Tebal Arena yang menempatkan dewan serba guna serta **9 gelanggang badminton di Jalan Bukit Panchor, Mukim 7, Seberang Perai Selatan (SPS).** Projek pembangunan ini dijangka akan dimulakan pada bulan Mac 2019 dengan peruntukan RM7 juta.

## Membudayakan Sukan dan Riadah #3

TERAS 3



Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan berjumlah **RM1.5 juta pada tahun 2019, untuk pembinaan gelanggang futsal di setiap daerah.**

## Pembangunan Lestari dan Seimbang

TERAS 4



**RM 1 juta diperuntukan untuk menjayakan Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri dengan United Nation (UN) Habitat.** MoU ini bertujuan untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan UN Habitat, ke arah **memastikan pembangunan mampan dan seimbang di Pulau Pinang.**

## Pembangunan Lestari dan Seimbang

TERAS 4



Kerajaan Negeri memandang serius kepada insiden tanah runtuh yang berlaku di Bukit Kukus baru-baru ini. Adalah menjadi agenda utama Kerajaan Negeri untuk mencegah daripada kejadian sama berulang pada masa hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan **menyediakan peruntukan berjumlah RM10 juta bagi kerja-kerja pembaikan cerun.**

## Negeri Hijau *(Green State)*

TERAS 4



Kerajaan Negeri berhasrat untuk menanam 100,000 pokok lagi dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memulihara alam sekitar. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memperuntukkan sejumlah RM5.2 juta untuk melaksanakan program-program penghijauan.

## Mereformasi Perkhidmatan PBT

TERAS 4



MBPP dan MPSP bersetuju untuk meneruskan dasar pengurangan cukai pintu sebanyak 50% kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, dan pengurangan sebanyak 3% pula akan diberikan untuk lain-lain kategori.

## Keberkesanan Sistem Pengangkutan Awam #1

TERAS 4



Kerajaan Negeri mencadangkan pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa yang baru iaitu **Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara.**

## Keberkesanan Sistem Pengangkutan Awam #2

TERAS 4



Kerajaan Negeri telah membuat perancangan awal untuk pembangunan pinggir laut George Town *(George Town Seafront)* di sekitar Dermaga Swettenham *(Swettenham Pier),* termasuk pemuliharaan Kota Cornwallis, menaik taraf tembok laut *(Seawall)* sepanjang Padang Kota, dan pembangunan semula Terminal Feri Pengkalan Tun Raja Uda. Ini akan membantu memperkenalkan perkhidmatan Rapid Feri ke kawasan tanah besar Butterworth dan memperkenalkan perkhidmatan teksi air *(water taxi)* sebagai mod pengangkutan baharu.

## Memartabatkan Institusi Islam

TERAS 4



Pada tahun 2019, sejumlah RM56.8 juta akan diperuntukan bertujuan untuk mengukuhkan institusi Islam.

# MMK Keusahawanan sediakan penjaja, peniaga ke arah e-dagang dan usahawan digital

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**PULAU BETONG -** Persatuan-persatuan penjaja Pulau Pinang termasuk di peringkat kebangsaan diseru menjadi rakan karib kepada Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi-agensi berkaitan.

Seruan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada ucaptama Majlis Perasmian Karnival Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Peringkat Negeri Pulau Pinang dekat perkarangan Masjid Daerah Balik Pulau di sini 17 November lalu.

Kon Yeow berkata, persatuan-persatuan penjaja di Pulau Pinang mahupun kebangsaan perlu menjadi *stakeholders* dan rakan karib kepada Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan termasuk PBT.

"Hubungan karib ini penting untuk kita dapat sama-sama menggubal dasar yang boleh memajukan agenda usahawan dalam kalangan peniaga serta penjaja kecil di Pulau Pinang.

"Saya percaya sebagai *stakeholders* dan jalinan kerjasama ini, dasar yang lebih baik dapat digubal, peluang lebih banyak dapat dibuka serta warga peniaga akan lebih maju," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada penganjuran berkaitan.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, Zolkifly Md. Lazim (ADUN Teluk Bahang), Mohd. Tuah Ismail (ADUN Pulau Betong), Datuk Ramli Norani (Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia) dan Muhd. Farouk Abdullah (Yang di-Pertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Pulau Pinang, PPPKMNPP).

Lebih 20 gerai mengambil bahagian selain penyertaan agensi-agensi kerajaan yang bersama-sama menjayakan karnival anjuran PPPKMNPP dan Kerajaan Negeri berkaitan.

Dalam pada itu, Abdul Halim yang turut berucap pada majlis tersebut menyatakan bahawa pihaknya dengan kerjasama penjaja serta PBT sedang mengenal pasti tapak bersesuaian untuk dijadikan pusat sehenti setempat bagi golongan penjaja dan peniaga kecil menjalankan perniagaan.

Menurutnya, semua penjaja kecil dapat ditempatkan di suatu kawasan khas yang lebih bersih, tersusun dan sistematik.

"Saya banyak mendapat permintaan daripada penjaja dan peniaga kecil untuk ruang niaga khas termasuk untuk perniagaan jenis kendera saji *(food truck)*.

"Perbincangan awal juga telah diadakan dengan Datuk Bandar bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang bersesuaian, serta untuk mereka (PBT) membuat penilaian dan seterusnya menempatkan penjaja serta peniaga di kawasan tersebut, mungkin satu daerah satu kawasan khas," jelasnya yang merupakan ADUN Batu Maung.

Lanjutan itu, Abdul Halim turut memaklumkan bahawa tahun hadapan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Keusahawanan, pihaknya akan menggerakkan secara agresif bengkel, kursus serta latihan kepada golongan penjaja dan peniaga ke arah e-dagang serta usahawan digital.

"Tahun depan kita akan berikan tumpuan kepada e-dagang serta usahawan digital kerana bidang ini masih banyak usahawan yang belum memanfaatkan ia dan masih bergantung kepada jenis tradisional," katanya.



**KETUA Menteri mencuba produk yang dipamerkan di salah sebuah gerai pameran Karnival Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**SALAH seorang usahawan yang mengambil bahagian.**




I-SANTORINI
LUXURY MEETS AFFORDABILITY

**PEJABAT/ KEDAI**
**PAJAKAN TANAH 99**
5% Diskaun Untuk Bumiputera

876 sehingga 2,425 kaki persegi Jumlah Unit : 68
Harga dari RM525,600 (Min) sehingga RM2,188,000 (Max)







*Merealisasikan Impian Anda di Lokasi Yang Hebat Di Tepi Laut*

• Pemaju : I-Platinum Sdn. Bhd. (818821-W) • Pejabat Jualan : 71, Ideal @ The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang. • No. Telefon : 604-6456 888 • No. Faks : 604-6457 888 •

Sebarang pertanyaan, hubungi kami di **04-6456 888**

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :*
*Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri*
*Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang*
*Tel : 04-6505 242 Fax : 04-2622 904*


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 7515
Peminjam : LIM CHZE SEONG - 75102608****
34 LORONG BERJAYA SETIA 2, TAMAN BERJAYA SETIA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LIM AH KAN @ LIM SEH CHUAN - (MENINGGAL DUNIA)
51 LORONG NANGKA 8, TAMAN DESA DAMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LEE CHIN PING - 49092471****
5 TINGKAT BETEK 2, SUNGAI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 7536
Peminjam : SITI MARIAH BINTI ABD WAHAB - 78082307****
NO. 24 LORONG 2/7, TAMAN PAUH JAYA, JALAN BARU 13700 PERAI
Penjamin 1 : ABDUL MANAFF BIN ABDUL RAHIM - 52101807****
NO.103-C JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL WAHAB BIN ABDUL RAHIM - 50020107****
NO. 24 LORONG 2/7, TAMAN PAUH JAYA, JALAN BARU 13700 PERAI

No Akaun : 7572
Peminjam : MUHAMAD KHAIR BIN OMAR - 74031007****
BLOK O-1-14, APARTMENT PERMATA BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZAKARIA BIN AHMAD - 64123102****
105-12-7 LONE PINE, 11600 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROKIAH BINTI OMAR - 60021410****
NO. 3332 LUBUK MERIAM 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 7609
Peminjam : ABDUL AHMADIL RAZMAN B ABDUL MAJID - 79032607****
NO. 31 LORONG ALMA JAYA 31, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL MUTTALIB B ABU BAKAR - 65022007****
BLOK A-02-6 LCF, FLAT JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MALIKA BANUM BT ABU BAKAR - 63121307****
BLOK G-3, RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 PULAU PINANG

No Akaun : 7693
Peminjam : BEH HOOI KHENG - 76041207****
685 MUKIM 11 JALAN BESAR, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BEH BAK HUA @ BEH AH KAW - 48111207****
685 MK 11 JALAN BESAR, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : BEH CHEE YEN - 71091807****
685 MK 11 JALAN BESAR, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 7753
Peminjam : SARIMAH BINTI SUDIN - 79123007****
NO. 5 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : SUDIN BIN KHALID - 50021102****
1251 PERMATANG PAK ELONG 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MOHD NADZRI BIN SUDIN - 72010907****
1251 PERMATANG PAK ELONG 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 7756
Peminjam : WONG YOKE LAY - 77031707****
11-4-2 LENGKOK NIPAH, TAMAN JUBILEE, SUNGAI DUA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : WONG YOKE MUN - 59053007****
11-4-2 LENGKOK NIPAH, TAMAN JUBILEE , 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WONG HOCK YEE - 57071307****
1-21-3 BL AVENUE, SOLOK THEAN TEIK, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 7762
Peminjam : MOHD HANIF BIN MOHD BAKI - 77042707****
LOT 6805 BATU 5 3/4, LAPIS 1, JALAN KAPAR 42100 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MD BAKI BIN HJ MAHIDDIN - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 21 B JALAN BUNGA, KAMPUNG TENGKU HUSSIEN BARU 30020, IPOH, PERAK
Penjamin 2 : AHMAD MUKHLIS BIN YAAKUB - 74062008****
NO. 11 FELDA KRAU SATU 27600 RAUB, PAHANG

No Akaun : 7805
Peminjam : CH NG CHAI HONG - 76073007****
A-3-1 JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CH NG CHENG TEE - 48022007****
22-12A-21 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ONG KUAN YEH - 68061107****
7 LORONG NIPAH 5, TAMAN LIP SIN, SUNGAI DUA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 7809
Peminjam : MOHAMAD RIZAL BIN IBRAHIM - 79042507****
C-12-05 KONDOMINIUM SENTUL UTAMA, JALAN 26, TAMAN DATO SENU, SENTUL 51000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : IBRAHIM B HASSAN - 48040107****
652 SUNGAI ACHEH 14310 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : MOHAMAD RIDDWAN B IBRAHIM - 75071607****
NO. 6 LORONG ILMU 3, TAMAN ILMU 14310 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 7812
Peminjam : LIM CHEE KEONG - 78101107****
2B-20-1 PLAZA IVORY CONDOMINIUM, HALAMAN BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN CHYE HOCK - 43122407****
21-7-13 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THEAN TEIK 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN CHYE SENG - 59060307****
BLOK 10-10-7 LEBUH RELAU, TAMAN ALOR VISTA, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 7842
Peminjam : ROSMAIDY BIN MOHAMED RAMLY - 77022608****
1-9-16 BLOK MERBAU DESAMINIUM RIMBA, JLN TASIK 1, TAMAN DESAMINIUM 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : ROSMAIZA BT MOHAMED RAMLY - 75111608****
NO. 39 JALAN ST 1, SAMUDRA TERES, BATU CAVES 68100 SELANGOR
Penjamin 2 : ZANITA BT MOHD ZAINUDDIN - A1913***
11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL,SPS

No Akaun : 7846
Peminjam : CHANDRAMOGAM A/L MANIAM - 77092907****
NO.40 JALAN PI 2/4, TAMAN PULAI INDAH 81110 KANGKAR PULAI, JOHOR
Penjamin 1 : MUNIANDY A/L ALIMUTHU - 67071707****
NO. 41 LORONG 7, TAMAN SRI KIJANG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : BATHMANATHAN A/L K. ABAROO - 77040907****
910 KG SELUT, SUNGAI JAWI 14200 SUNGAI BAKAP , SPS

No Akaun : 7893
Peminjam : ATHIE LETCHUMI A/P CHELLIAH - 78080807****
6-4-3A EDEN SEAVIEW CONDO, JALAN SUNGAI SATU, BATU FERRINGHI 11100 PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAJESWARY RAMASAMY - 70061807****
NO. 6-4-3A EDEN SEAVIEW CONDO, JALAN SUNGAI 1, BATU FERINGGHI 11100 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SRIVALLI MUNIANDY - 71100602****
710-A PBA QUARTERS, JALAN TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG

# Pulau Pinang perlu lebih banyak 'rakan industri' yang kuat – Ketua Menteri




**KETUA Menteri dan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan barisan pengurusan tertinggi serta kakitangan *Western Digital* bersempena lawatan kerja di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memerlukan lebih banyak 'rakan industri' yang kuat seperti *Western Digital* di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika melawat tapak industri *Western Digital* bersama-sama pemain syarikat multinasional berkenaan dan pemimpin agensi negeri, *investPenang* (iP).

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada *Western Digital* di Batu Kawan untuk kemudahan Revolusi Industri 4.0 ini.

"*Western Digital* mempunyai platform teknologi yang boleh membawa muatan dalam transformasi data," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi di sini 9 November 2018.

Menurut Kon Yeow, kemudahan infrastruktur dan kemajuan Pulau Pinang dikecapi hari ini adalah disebabkan tadbir urus cekap kerajaan, selain bergantung kepada kehadiran pelabur yang menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan buat rakyat.

"Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan tempatan.

"Kerajaan (Negeri) mencatat aliran masuk FDI terbesar menurut rekod MIDA berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, iaitu bernilai RM8.5 bilion," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Kon Yeow dalam pada itu merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penganjur lawatan kerja tersebut, iaitu iP dan *Western Digital*.

Berucap pada majlis sama, Pengerusi Kumpulan Western Digital (Malaysia), Datuk Syed Hussain Aljunid yang turut merakamkan penghargaan atas sokongan tidak berbelah-bahagi pentadbiran Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang selama ini.

Malah, beliau juga merakamkan penghargaan atas pencapaian Pulau Pinang yang muncul sebagai negeri menerima FDI tertinggi negara.

Beberapa ADUN, Ahli Parlimen, Naib Presiden Kanan Digital Manufacturing (Pembuatan), Sean Hunkler dan Naib Presiden Western Digital (Operasi), K.L Bock turut sertai lawatan kerja kepimpinan negeri ke tapak industri baru *Western Digital* di Batu Kawan berkenaan.

# Motorola Solutions sebagai rakan strategik realisasi *Penang2030*

**BAYAN LEPAS –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini menyuarakan hasrat untuk menjadikan Motorola Solutions (M) Sdn. Bhd. (Motorola Solutions) sebagai rakan strategik kerajaan dalam membantu merealisasikan visi negeri, *Penang2030*.

Kon Yeow berkata, selaku peneraju kemajuan teknologi komunikasi masa depan, Motorola Solutions pastinya dapat berganding bahu bersama-sama Kerajaan Negeri ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri berdaya huni dan pintar.

"Bukan sahaja Motorola Solutions, malah lain-lain pemain industri yang turut berada di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas ini, sama-sama mampu menyahut seruan *Penang2030* dalam memacu pertumbuhan negeri.

"Kilang-kilang di negeri ini juga boleh memanfaatkan inisiatif *Penang2030* dalam pembuatan dan penghasilan produk sejajar dengan wawasan negeri.

"(Dan) pastinya saya mempelawa bukan sahaja pelabur tempatan, malah (pelabur) asing juga untuk bertapak di Pulau Pinang supaya dapat menjadi pemangkin pembangunan ekonomi, sejajar dengan wawasan *Penang2030*," ucapnya pada sesi lawatan kerja ke syarikat berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid dan ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen.

Hadir sama, Pengarah Urusan Motorola Solution (Penang Operations), Solomon Lorthu; Timbalan Pengarah Urusan Motorola Solutions, John Andersen; Pengarah Operasi Pelanggan, Friiscor Ho; Ketua Pusat Operasi Kewangan, Sherman See dan Ketua Kakitangan, Michael Loh.

Kon Yeow dalam pada itu turut berharap agar Kerajaan Persekutuan bersama-sama memainkan peranan bagi membantu Pulau Pinang merealisasikan *Penang2030*.

"Antara yang terkandung dalam visi *Penang2030* ini adalah jalinan perkongsian antara kerajaan, pihak swasta, golongan profesional dan rakyat atau (4P), dan sebagai sebuah kerajaan pastinya kita (Kerajaan Negeri) akan terus merancakkan jalinan perkongsian ini," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Motorola Solutions memiliki sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) terbesar di luar Amerika Syarikat di negeri ini dikenali sebagai *Innoplex Penang*.

Selain sebagai peneraju kemajuan teknologi komunikasi masa depan, Motorola Solutions turut berpengalaman dalam reka bentuk industri, perisian, kejuruteraan elektrik dan elektrikal, mekanikal serta pengurusan program dan telekomunikasi.

**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri diberi penjelasan berhubung salah satu produk bersempena lawatan ke kerja ke Motorola Solutions di sini baru-baru ini.**





# Kempen bebas penyedut minuman galak umum kurang penggunaan plastik sekali guna

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**BAYAN LEPAS** – Kempen bebas penyedut minuman plastik buat julung kalinya diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) bagi menggalakkan orang ramai supaya mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang ketika melancarkan kempen berkenaan berkata, kempen tersebut menerima sambutan menggalakkan dalam kalangan pengusaha restoran makanan di PIA.

Katanya, sebanyak 19 pengusaha restoran telah bersetuju menyertai kempen tersebut yang mana tiada penyedut minuman plastik akan diberikan secara automatik di peringkat permulaan.

"Idea *'Say No To Plastic Straw and Single-Use Plastics'* tercetus pada 24 Jun lalu semasa aktiviti *plog cleaning* peringkat negeri diadakan.

"Semasa program tersebut, kami mendapati bahawa sisa-sisa buangan yang dikumpul kebanyakannya terdiri daripada plastik serta plastik sekali guna seperti cawan minuman, penutup dan botol air yang menyebabkan pencemaran.

"Justeru, Ketua Menteri secara drastiknya telah mengesyorkan agar kempen bebas plastik sekali guna dijalankan tanpa berfikir panjang," ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Pengurus Besar PIA, Mohd. Nadzim Hashim.

Serentak itu, poster dan pelekat bebas penyedut minuman plastik turut diedarkan kepada pengusaha restoran seperti *McDonald's*, *KFC* dan kedai serbaneka.

Mengulas lanjut mengenai inisiatif lestari berkaitan, Tung Seang memberitahu bahawa MBPP akan menjalankan program pendidikan dan pendedahan kepada pengusaha restoran serta kedai makanan mengenai peri pentingnya usaha tersebut.

"Pendidikan awam akan diberikan kepada 1,311 premis makanan berlesen dari November 2018 hingga Mac 2019, dan usaha meningkatkan kesedaran di 1,560 premis akan diteruskan sehingga penghujung tahun hadapan," ulasnya.



SALAH seorang kakitangan makanan segera menunjukkan isyarat bagus terhadap kempen yang dijalankan.



AR. Yew Tung Seang (berkemeja biru) menyampaikan poster kesedaran kepada salah seorang wakil restoran di sini baru-baru ini.

## Pasang lampu jalan LED 'hadiah' meraikan Pesta Cahaya Deepavali

**GEORGE TOWN** - Peruntukan tahunan kira-kira RM9.29 juta untuk pemasangan lampu jalan jenis LED sebagaimana disebut dalam Belanjawan 2019 Pulau Pinang diharap bukan sahaja dapat membantu Kerajaan Negeri membanteras jenayah.

Bahkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, usaha pentadbirannya meningkatkan pencahayaan pada sebelah malam di negeri ini turut dianggap sebagai 'hadiah' kepada penduduk yang meraikan Pesta Cahaya Deepavali baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, Festival Cahaya di Little India juga adalah lebih penting pada tahun ini kerana menyaksikan nyalaan lampu LED yang menelan belanja RM550,000.

"Seperti hari ini, Kerajaan Negeri menyokong inisiatif Dewan Perniagaan dan Industri India Malaysia (MICCI) dalam menganjurkan acara tradisi sempena Deepavali iaitu dengan menganjurkan Rumah Terbuka Deepavali di Little India," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada 17 November 2018.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng turut sertai majlis keraian itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi turut menjelaskan mengenai rancangan peremajaan semula kawasan pelancongan di Little India.

"Berkenaan peruntukan RM1 juta untuk kerja-kerja menaik taraf Little India, ThinkCity (Sdn. Bhd.) telah membentangkan tiga pilihan kepada MICCI untuk pertimbangan mereka mengenai pilihan terbaik mengenai kerja-kerja menaik taraf.

"Saya harap apabila keputusan dibuat, kerja-kerja menaik taraf boleh dimulakan secepat mungkin," ujarnya.

Majlis Rumah Terbuka anjuran MICCI dengan sokongan Kerajaan Negeri itu turut meraikan kanak-kanak dari Ramakrishna Ashram serta Persatuan Kanak-kanak Cerebral Palsy Pulau Pinang, dengan pelbagai hidangan lazat.

Pada 9 November lalu, Kon Yeow membentangkan Belanjawan 2019 Negeri di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Ketika itu, beliau mengumumkan Kerajaan Negeri melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) telah menyediakan sejumlah RM2.5 juta di kawasan Seberang Perai dan RM6.79 juta (pulau) untuk menyelenggara lampu-lampu jalan serta pemasangan lampu jenis LED.



KEADAAN di Little India pada sambutan Deepavali baru-baru ini.




# Kerajaan Negeri tubuh kumpulan kerja gubal Akta Gangguan Seksual

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**CHONG Eng (berbaju biru), wakil-wakil dari PWDC dan jawatankuasa penganjur menunjukkan tanda sokongan terhadap kempen PGO pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menubuhkan sebuah kumpulan kerja untuk menggubal Akta Gangguan Seksual, ujar Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng.

Chong Eng berkata, untuk tujuan tersebut, satu perbincangan meja bulat akan diadakan bagi membincangkan isu-isu gangguan seksual dan merumuskan cadangan serta rancangan yang sewajarnya untuk menangani isu berkaitan.

"Banyak perlu dilakukan terutamanya membabitkan undang-undang yang perlu digubal secara khusus dan menentukan definisi perbuatan gangguan seksual untuk melindungi mangsa yang telah lama mengalami pelanggaran seksual terhadap kebebasan peribadi, sindiran atau penyalahgunaan.

"YB Hannah Yeoh yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan dijemput sama di dalam perbincangan ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada penganjuran kempen *Penang Goes Orange* (PGO) di sini 15 November lalu.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan Pengurus Program Pemberdayaan Ekonomi Wanita PDWC, Susan Chong.

Mengikut perangkaan, sebanyak 70 hingga 90 peratus daripada kes gangguan seksual di negara ini tidak dilaporkan oleh mangsa.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga Pengerusi PWDC menyatakan bahawa kempen PGO yang diangkat Kerajaan Negeri merupakan satu pergerakan antarabangsa untuk menghapuskan keganasan terhadap golongan wanita.

Menurutnya, kempen tersebut berlangsung selama 16 hari dan berakhir pada 10 Disember 2018.

"Ini merupakan signifikan bahawa wanita juga manusia, mereka mempunyai hak asasi sama seperti lelaki.

"Tetapi, masyarakat perlu mengetahui bahawa gangguan seksual bukan hanya tertumpu kepada golongan wanita sahaja, malah lelaki juga tidak terkecuali untuk diambil kesempatan.

"Justeru, lelaki mahupun perempuan perlu ambil peduli tentang apakah itu perlakuan yang membawa kepada gangguan seksual kerana ada juga mangsa yang tidak sedar sebenarnya mereka telah diganggu dengan gangguan tidak bermoral itu.

"Semua pihak perlu memainkan peranan supaya kes gangguan seksual dapat dikurangkan, dan mangsa terlibat perlu berani untuk tampil ke hadapan supaya kebenaran dapat ditegakkan," tegas beliau.

# Minat ibu bapa dalam sukan mampu mempengaruhi anak-anak

**PAYA TERUBONG –** Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap kejohanan *Penang Factories Badminton Team Master Open Championships 2018* yang dianjurkan buat julung kalinya baru-baru ini dapat diteruskan dengan penyertaan lebih banyak pasukan dari dalam dan luar Pulau Pinang.

"Bagi menjadikan kejohanan ini lebih menarik pada masa hadapan, kita mungkin boleh menjemput lebih banyak penyertaan kelab-kelab badminton dari kilang-kilang di Pulau Pinang mahupun negara jiran, Singapura.

"Ketika lawatan saya ke Singapura bulan lalu, saya berkesempatan melawat kompleks sukan, *ActiveSG* di sana... mungkin kita (Pulau Pinang) boleh mengatur perlawanan atau pertukaran dengan mereka selepas ini sebagaimana pada era 80-an dan 90-an yang mana banyak jenis sukan seperti bola sepak, boling serta badminton kerap dipertandingkan di antara kilang-kilang dekat Zon Perindustrian Bebas (FTZ) Bayan Lepas," ucapnya ketika merasmikan kejohanan berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan BCN Precision Technology, Poh Chun Ching dan Pengerusi Penganjur, Gary Poh.

Sebanyak 300 penyertaan membabitkan 23 pasukan mengambil bahagian pada penganjuran sulung berkenaan yang disifatkan sebagai perkembangan positif.

Antara kilang-kilang yang mengambil bahagian ialah *Dell, Agilent Technology, Intel, Motorola Solutions, Cypress, Osram Opto Semiconductor, Plexus, B.Braun, Western Digital* dan banyak lagi.

Mengulas lanjut, Lip Chee menyatakan bahawa minat ibu bapa dalam sesuatu bidang atau sukan sedikit sebanyak mampu mempengaruhi anak-anak.

"Secara tidak langsung, sebagai ibu bapa, apa yang diminati kita lazimnya akan turut diminati anak-anak, dan ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi mereka untuk meminati bidang atau sukan tersebut.




**SOON Lip Chee (berkemeja biru muda) merakamkan gambar kenangan sambil beramah-mesra dengan sebahagian kumpulan peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran *Penang Factories Badminton Team Master Open Championships 2018* di sini baru-baru ini.**

"Justeru, bagi menggalakkan penganjuran sukan yang lebih kompetitif di masa hadapan, mungkin boleh dipertimbangkan pertandingan antara pelajar-pelajar sekolah, universiti atau sebagainya," jelasnya.

# APMG bawa manfaat berantai kepada negeri dan atlet tempatan

**GEORGE TOWN –** Penganjuran *Asia Pacific Masters Games* (APMG) kira-kira dua bulan lalu di negeri ini turut membawa manfaat berantai seperti penarafan peralatan serta fasiliti baharu untuk atlet tempatan.

Mengulas lanjut, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng yang juga Pengerusi Penganjur APMG memberitahu bahawa kira-kira RM2.2 juta nilai peralatan serta naik taraf fasiliti diperoleh untuk kegunaan pembangunan atlet di negeri ini.

"Kira-kira RM2.2 juta nilai peralatan dan naik taraf fasiliti diperoleh... antaranya adalah skrin paparan markah di Kompleks Sukan Bandaraya, Relau (renang) dan naik taraf balapan Stadium Bandaraya.

"Tambahan lain termasuk, naik taraf laluan baharu untuk basikal bukit yang turut disahkan untuk menjadi tuan rumah bagi kejohanan antarabangsa tahun hadapan; lantai mudah alih untuk sukan bola keranjang berserta sistem pemarkahan; pelapik lantai bagi sukan silat; papan sasaran untuk memanah dan bola bagi kegunaan latihan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Jamuan Makan Malam APMG di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Duta APMG yang juga mantan Pengerusi Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar dan wakil-wakil penaja yang menjayakan kejohanan berkenaan.

Menurut Chong Eng, penganjuran APMG yang julung kali diadakan di negara ini berjaya dengan penyertaan 5,600 atlet dari 64 negara.

"Saya percaya, penganjuran APMG ini sememangnya menjadi platform terbaik kepada Pulau Pinang untuk menjadi tuan rumah bagi temasya-temasya besar di peringkat antarabangsa," ujarnya.

Dalam pada itu, Tung Seang ketika berucap turut menyifatkan APMG berjaya setelah melalui banyak cabaran sejak serta sebelum temasya berlangsung, namun hasil semangat berpasukan yang ditonjolkan semua faktor-faktor berkaitan mampu diatasi.

"Sebagai tambahan, badan penganjuran APMG turut menerima pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records* bagi larian obor pertama APMG di Malaysia," kata beliau.

# Jadi usahawan yang bertanggungjawab - Mohd. Daniel

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**MEWARISI** darah keusahawanan ibu dan ayahnya, usahawan muda, **MOHD. DANIEL ROSLE**, 25, mampu tersenyum girang apabila beliau kini mempunyai produk di bawah label jenamanya sendiri berasaskan makanan laut seperti *Roasted Chili* Bilis, sambal tumis isi ikan talang dan masak asam ikan talang.

Pada mulanya, beliau yang memiliki Sijil Kulinari dari Kolej Komuniti Langkawi hanya membantu ayahnya di kedai makan dan ibunya menguruskan premis *Chocolate Empire* di Wakaf Setee Aisyah dekat Seberang Jaya.



MOHD. Daniel Rosle.

Namun, ia tidak pernah memadamkan hasrat serta keinginannya untuk memasar dan mempunyai produk di atas jenama sendiri. Seperti pucuk dicita, ulam mendatang, permohonan pinjaman Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang dahulunya dikenali sebagai Pinjaman Titian Saksama Rakyat (PTSR) sebanyak RM10,000 diluluskan.

"Ini merupakan modal kedua selepas (modal) pertama sebanyak RM6,000 diperoleh untuk (modal pusingan di) kedai ibu. Modal (RM10,000) ini sememangnya fokus utama untuk mengeluarkan produk sendiri yang tiada dalam pasaran iaitu *Roasted Chili* Bilis dengan menggunakan kaedah panggang.

"Alhamdulillah, kini produk tersebut mampu dipasarkan kira-kira 1,000 balang sebulan di sekitar Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Singapura melalui ejen dan pembekal dilantik," katanya yang merupakan ayah kepada seorang cahaya mata.

## Memulakan perniagaan

Mohd. Daniel menjelaskan, untuk berjaya di dalam perniagaan, beliau sanggup bermula dari bawah iaitu mempelajari selok-belok perniagaan, dan yang paling utama mulakan perniagaan secara kecil-kecilan dahulu supaya impak kerugian tidak besar.

"Saya mengetahui mengenai SPH ini pun melalui akhbar Buletin Mutiara dan juga program-program usahawan yang dijalankan Dato' Mohd. Rashid Hasnon (mantan Timbalan Ketua Menteri I dahulu).

"Pinjaman ni senang nak mohon sebab jumlahnya kecil dan jalinan serta pemantauan daripada pihak PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) juga konsisten dan berkala, kita (usahawan) tak payah susah untuk ke bank kerana kakitangan (PDC) akan turun kutip duit pinjaman balik di premis.

"Untuk mulakan perniagaan ni, biarlah kita mulakan dari modal yang kecil sebabnya kalau terus menggunakan modal yang besar, risau masa depan tak tahu apa akan jadi.




ROASTED cili bilis yang sedia untuk dipasarkan.

"Nak mohon dan kelulusan pun senang diperoleh, tak ada banyak kerenah birokrasi, jadi untuk mereka di luar sana yang mempunyai minat serta hasrat memulakan perniagaan, ini adalah peluang anda untuk memperoleh modal.

"Tapi, yang penting mestilah jadi usahawan yang bertanggungjawab, bayar balik, jangan ghaib begitu sahaja," nasihatnya sambil berpendapat bahawa pinjaman SPH yang diperkenalkan Kerajaan Negeri melalui ejen pelaksana PDC tersebut adalah sistem terbaik kerana jalinan secara terus dengan peminjam.

## Perancangan masa depan

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Mohd. Daniel memberitahu bahawa kini beliau dalam proses perbincangan bersama-sama beberapa syarikat stesen minyak seperti Petronas dan Shell untuk meletakkan produknya di sana.

"Sekarang saya tengah berusaha ke arah itu kerana agak rumit sebenarnya, banyak dokumen dan prosedur perlu dilalui sebelum kebenaran dikeluarkan.

"Alhamdulillah, untuk stesen minyak Shell telah dapat kelulusan dan kini tinggal Petronas sahaja.

"Jika ada rezeki, saya juga sasar pasarkan produk-produk ini terutamanya *Roasted Chili* Bilis untuk dieksport ke luar negara," ujarnya sambil menzahirkan kesyukuran berkat doa keluarga dan isterinya, produk beliau kini mempunyai pasarannya tersendiri.

Malah, menurut Mohd. Daniel, beliau juga terbuka untuk membantu usahawan di luar sana mengusahakan *Roasted Chili* Bilis sebagai jenama mereka sendiri.

"Ada juga pembekal yang ada kini mengambil *Roasted Chili* Bilis ini dan dijenamakan semula di atas *brand* mereka sendiri, cuma untuk pengeluar, mereka perlu mengekalkan nama serta alamat pengilangan saya di sini," jelasnnya.

## Usahawan baru

Mengakhiri bicara, Mohd. Daniel yang agak pemalu orangnya berkata, peluang usahawan muda di negeri ini sangat banyak, cuma perlu pandai untuk mencari pasaran dan peluang yang ada.

"Nasihat saya kepada mereka yang ingin berkecimpung di dalam dunia perniagaan, dapatkan info terlebih dahulu, banyakkan bertanya dan membuat rujukan di PDC, jabatan-jabatan berkaitan sebelum terus mulakan perniagaan," seru beliau.



# Pulau Pinang amat alu-alukan kerjasama pihak swasta bangunkan ekonomi – KM

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD.DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Syarikat Sokochan Co. Ltd. (Thailand), HTH Corporation (Malaysia) dan Unag Logistics Pte. Ltd. (Singapura) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membentuk kerjasama strategik jangka panjang antara ketiga-tiga pihak.

Perjanjian persefahaman tersebut ditandatangani Pengasas Sokonchan Co. Ltd., Adrian Stewart; Pengerusi Syarikat HTH Corporation, Lee Chin Cheng serta Pengurus Besar Unag Logistics Pte. Ltd., Rhyce Chng dengan disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.




**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Lee Chin Cheng selepas selesai majlis menandatangani MoU antara tiga pihak berkaitan di sini baru-baru ini.**

Menurut Kon Yeow, Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang diiktiraf sebagai Lembah Silikon Asia adalah amat mengalu-alukan kerjasama pihak swasta dalam membangunkan ekonomi terutama dalam sektor e-dagang.

"Kita (Kerajaan Negeri) amat mengalu-alukan kerjasama pihak swasta dengan kerajaan untuk memajukan pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang.

"Pulau Pinang sentiasa menggalakkan pembangunan e-dagang dan lain-lain sektor yang mempunyai hubungan dengan penggunaan teknologi dalam perniagaan.

"Jadi, hari ini kita melihat kerjasama antara tiga syarikat dari tiga buah negara iaitu Malaysia, Thailand dan Singapura bagi menyediakan satu platform supaya peniaga-peniaga dapat menggunakan e-dagang dalam perniagaan masing-masing," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoU berkaitan di sini 9 November lalu.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk menjadi pemudah cara dengan menyediakan satu suasana yang baik bagi menarik minat pelabur dalam mengembangkan perniagaan di negeri ini.

"Pulau Pinang akan terus memainkan peranan sebagai hab serantau, hab logistik serta lembah silikon, dan kita (Kerajaan Negeri) berharap agar industri berkaitan sektor ini akan terus berkembang," jelasnya.




## Bina beberapa gelanggang tambahan demi perkasa, lahir jaguh badminton

**PAYA TERUBONG -** Dalam memperkasakan sukan badminton di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri kini bercadang membina beberapa buah lagi gelanggang sukan berkaitan di negeri ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika merasmikan kejohanan *Penang Badminton Master Open Team Championships Padang Kota Cup* dekat Kompleks Sukan Bandaraya, Relau di sini 10 November lalu.

"Dalam ucapan saya baru-baru ini (bersama-sama Presiden Persatuan Badminton Malaysia), dan saudara Lim Guan Eng (Menteri Kewangan) tahun lepas, kami berbincang mengenai pembinaan beberapa gelanggang akademi badminton.

"Apa yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri ialah menyediakan tapak, pihak swasta boleh majukan fasiliti badminton dalam membantu melahirkan jaguh-jaguh badminton di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Menurut Kon Yeow, sejajar dengan visi *Penang2030*, beliau mengajak semua pihak menjadikan matlamat berkaitan sebagai platform untuk bekerjasama dalam memberi manfaat kepada semua.

Pada kejohanan yang berlangsung dari 9 - 11 November itu, sebanyak 24 pasukan dari Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Indonesia mengambil bahagian.

Kejohanan berkenaan turut diserikan dengan kehadiran bekas naib juara dunia yang juga anak kelahiran Pulau Pinang, Ong Ewe Hock dan bekas pemain skuad juara Piala Thomas 1992, Foo Kok Keong.

Sesi pemanas badan turut dihiburkan dengan aksi Lip Chee bergandingan dengan Ewe Hock menentang gandingan Tung Seang serta Kok Keong.

# Pulau Aman lokasi siri terakhir *'forest bathing'* 2018

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



LALUAN yang dilalui para peserta Program Forest Bathing MPSP di sini baru-baru ini.

**BUKIT TENGAH** - Hampir 100 peserta menyertai program *'forest bathing'* atau terapi rimba anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Hutan Simpan Bukit Juru yang terdiri daripada 645 anak tangga di sini.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod memberitahu bahawa penganjuran program berkaitan adalah selaras dengan Strategik Gaya Hidup Sihat sebagaimana digariskan dalam Pelan Strategik Seberang Perai 2018 - 2020.

"Di bawah pentadbiran Yang di-Pertua Majlis, Dato' Sr. Rozali Mohamud, sejak tahun lepas (2017) ada enam lokasi telah dikenal pasti untuk aktiviti *'forest bathing'* dan penganjuran kali ini adalah siri ke-5 daripada enam kali yang kita sasar untuk dilaksanakan pada tahun ini (2019).

"Kita (MPSP) berharap aktiviti ini akan mempromosi lagi kawasan Seberang Perai sebagai kawasan eko-terapi (rimba) dan eko-pelancongan menarik pada masa akan datang, dengan begitu banyak kehijauan dan hutan yang menjadi destinasi persinggahan beribu jenis burung setiap tahun," jelasnya ketika merasmikan program tersebut pada 3 November 2018.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MPSP, A'ziss Zainal Abiddin.

Menurut Rosnani, pada 23 September 2017, bekas Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng yang kini adalah Menteri Kewangan merasmikan program terapi rimba sempena pembukaan semula Hutan Simpan Bukit Juru.

Manakala perasmian program terapi rimba di Taman Rekreasi Bukit DO, ulasnya, dirasmi oleh Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow iaitu Ketua Menteri Pulau Pinang hari ini.

Tambah beliau, Rozali merasmikan aktiviti terapi rimba di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam pada 23 Jun lalu, sementara Dr. Amar Pritpal Abdullah (Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap) merasmikan aktiviti sama di Taman Negeri Bukit Panchor 7 Julai lepas.

"Pada 29 September lalu, Dato' YDP MPSP (Rozali) sendiri merasmikan *'forest bathing'* di Hutan Lipur Cherok To' Kun, dan saya merasmikan program ini," jelasnya sambil mengalu-alukan lebih ramai lagi penduduk Seberang Perai menyertai aktiviti terapi rimba tersebut kelak.

Difahamkan, matlamat utama penganjuran *'forest bathing'* adalah sebagai terapi minda dengan berjalan-jalan di dalam hutan sambil menikmati dan menghargai keindahan alam semula jadi.

Aktiviti tersebut secara tidak langsung dapat mengawal pelbagai penyakit seperti mengurangkan tekanan darah, mengurangkan stres, mempercepatkan penyembuhan akibat pembedahan dan kesakitan serta dapat meningkatkan tenaga serta kualiti tidur.

Terapi Rimba ini asalnya diamalkan di negara Jepun, dan dikenali sebagai *'Shinrin-Yoku'*.

## Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan beri kesedaran cara pemeliharaan betul

**PERAI** - Sehingga bulan Oktober lalu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menerima 1,223 aduan awam mengenai anjing, dengan 2,474 ekor yang terbiar berjaya ditangkap pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Mengulas lanjut, Ahli Majlis bagi MPSP, K. Jason Raj memberitahu bahawa PBT masih menganggap isu berkaitan sebagai kritikal di Seberang Perai.

Justeru, beliau berharap penganjuran Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan MPSP dapat menangani isu anjing terbiar tersebut.

"Isu anjing terbiar ini masih lagi menjadi isu yang kritikal... sebagai langkah proaktif, MPSP telah menjalankan operasi tangkapan setiap hari," ucapnya dalam penganjuran program tersebut di sini 3 November 2018.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod yang merasmikan program tersebut.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MPSP, Mohd. Ibrahim Md. Nor; Ketua Unit Klinikal Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Madya Dr. Rumaizi Shaari; Ketua Unit Regulatori merangkap wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang, Dr. Tishrin Ismail dan Koperal Pegawai Polis Unit K9 Polis Diraja Malaysia (PDRM), Alsone Aripin.

Tambah Jason Raj, objektif utama program tersebut diadakan adalah untuk memberi kesedaran serta kefahaman kepada pemilik haiwan kesayangan mengenai cara pemeliharaan yang betul dan mengikut undang-undang.

Katanya, terdapat 14 aktiviti pendidikan yang ditawarkan dalam program kali ini iaitu klinik konsultansi; pameran statik; pertandingan mewarna dan permainan kanak-kanak; jualan produk haiwan kesayangan; pameran bergerak iaitu mengenai haiwan eksotik serta baka kucing cantik; pertandingan teka berat kucing dan kucing comel; program vaksinasi anjing serta kucing; program mikro cip dan *pet passport*; program anjing serta kucing angkat; perkhidmatan kaunter bergerak dan demonstrasi anjing dan *dog show* secara *outreach*.



IR. Rosnani Mahmod (bertudung ungu) sambil diiringi K. Jason Raj (berkemeja hijau) memerhatikan prosedur pemandulan yang dijalankan pihak-pihak berkaitan pada penganjuran Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan MPSP di sini baru-baru ini.




# PICC dijangka tingkat promosi perdagangan, kemasukan pelaburan asing

**BAYAN LEPAS -** Pembangunan bandar perdagangan bersepadu, Bandar Perdagangan Antarabangsa Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai *Penang International Commercial City* (PICC) dijangka dapat meningkatkan aktiviti promosi perdagangan di samping menarik kemasukan pelaburan asing ke negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, PICC bakal mentransformasikan landskap perdagangan Pulau Pinang di persada dunia.

"Lokasi PICC adalah strategik yang bukan sahaja mampu menarik kemasukan pelabur tempatan dan asing, malah dilihat berpotensi menarik pelancong sama ada dalam negeri mahupun luar negara yang mendambakan gaya hidup mampan.

"PICC menawarkan gaya hidup yang selamat, hijau dan lestari bagi semua... kita juga menyaksikan beberapa tahun kebelakangan ini bagaimana perkembangan teknologi digital telah merubah kehidupan kita dan membuka peluang kepada banyak industri.

"Perkembangan teknologi ini memberikan impak yang amat besar kepada sektor berorientasikan domestik seperti peruncitan, kediaman, penyediaan makanan serta minuman.

"Ia (teknologi) juga meningkatkan prestasi operasi serta dari segi pentadbiran, ia memberikan ketelusan dan galakan berinteraksi dalam kalangan rakyat," ujarnya sejurus majlis pecah tanah dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Perintis Kumpulan Hunza Properties Berhad (Hunza), Datuk Seri Khor Teng Tong; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Urusan Kumpulan Hunza, Datuk Khor Siang Gin dan juga beberapa pimpinan negeri turut serta dalam majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata, PICC bakal dibangunkan dengan menggunakan pendekatan pendigitalan bagi mempertingkatkan kualiti dan prestasi kepada penghuninya.

"Saya yakin bahawa pembangunan bandar pintar dan bersepadu ini akan menarik kemasukan syarikat-syarikat asing untuk mengembangkan perniagaan mereka di sini di samping bakal menyediakan peluang pekerjaan terbaik kepada penduduk di negeri ini.

"(Dan) sejajar dengan visi negeri, *Penang2030*, PICC direka khas supaya menepati ciri-ciri hijau, selamat serta pintar dan menawarkan gaya hidup yang lebih kondusif.

"Malah, ia turut direka untuk melengkapi komponen projek infrastruktur awam di bawah Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang (PTMP)," katanya.

Dengan pembangunan kasar mencecah RM6.5 bilion dan nilai pelaburan hartanah RM2.5 bilion, PICC yang terletak di tapak berkeluasan 17.4 hektar di Selatan Pulau Pinang itu, bakal dibangunkan oleh Hunza.

Pembangunan secara berfasa berkenaan bakal dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk unit-unit kediaman, ruang pejabat, hotel bertaraf lima bintang, hospital dan pusat membeli-belah serta dijangka siap menjelang 2026.





**ILUSTRASI artis menunjukkan rupa bentuk PICC.**

# Kejayaan Sasheladevi cipta rekod MBOR wajar dicontohi belia

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Bukan sekadar pencapaian terbaik, malah persembahan dan prestasi E. Sasheladevi, 27, memecahkan *Malaysia Book of Records* (MBOR) bagi menarik kenderaan jarak jauh Kategori Wanita baru-baru ini disifatkan sesuatu yang amat membanggakan.

Kejayaan gadis yang kini berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) itu adalah mengagumkan apabila beliau hanya menggunakan kekuatan satu jari telunjuk untuk menarik sebuah kereta *Toyota Alphard* seberat 2.7 tan pada jarak 70.20 meter (m) dalam tempoh 1 minit 25 saat.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang hadir menyaksikan rekod baharu tersebut dilakar berkata, kecekalan Sasheladevi untuk meraih kejayaan demi kejayaan sewajarnya dipuji serta dijadikan teladan.

Menurutnya, kesungguhan tersebut seharusnya dipanjangkan dan wujud dalam setiap jati diri muda-mudi negeri.

"Ini adalah salah satu mesej positif yang harus dicontohi oleh semua golongan muda.

"Jangan sesekali berputus asa, hadapilah setiap cabaran dan tekanan dengan minda yang positif dan semangat juang tinggi.

"Di mana ada kemahuan dan keinginan, pasti ada kejayaan, tiada yang mustahil, kita boleh!," seru beliau.

Hadir sama, Pengarah Khidmat Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin, Presiden Persatuan Angkat Berat ATM, Kolonel Inderjit Singh, Timbalan Komander Rejimen 509 Askar Wataniah, Leftenan Kolonel Abdul Halim Majid dan wakil MBOR, Lee Pooi Leng.

Program tersebut dianjurkan *Orient Fitness Penang* bersama-sama Kelab Sukan Sosial dan Kebajikan ATM (KSSKA) dan disokong oleh Kerajaan Negeri serta MBPP.

Difahamkan, rekod itu bukan yang pertama dipecahkan Sasheladevi, beliau pada tahun 2008 juga merupakan pemegang rekod bagi angkat berat menggunakan dua jari (wanita) apabila berupaya mengangkat pemberat 41 kilogram (kg) dalam tempoh empat saat.

Dalam pada itu, beliau yang ditemui sejurus itu melahirkan perasaan bercampur baur dan keterujaan apabila berjaya mencipta rekod kedua buat dirinya.

"Sangat gembira dan teruja. Diharap pada masa depan, saya dapat memecahkan rekod dunia, itu impian saya," ujarnya sambil menyatakan bahawa beliau memang meminati bidang sukan angkat berat sejak berusia 14 tahun dan memperuntukkan kira-kira lima bulan untuk berlatih.



**SOON Lip Chee (barisan belakang, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama E. Sasheladevi yang menunjukkan salinan sijil penghargaan MBOR diterima beliau di sini baru-baru ini.**



**AKSI E. Sasheladevi menarik sebuah kereta *Toyota Alphard* menggunakan satu jari.**

# Berdaya saing, PKS digesa rebut peluang optimumkan teknologi dan inovasi

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAYAN LEPAS –** Penggiat industri tempatan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) digesa untuk merebut peluang serta bertindak positif bagi mengoptimumkan teknologi dan inovasi untuk menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, untuk menjadi relevan dalam pasaran kini, ia adalah memerlukan teknologi dan inovasi dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 walaupun sedar terdapat cabaran serta risiko yang perlu dilalui.

"Ia boleh dan perlu dilakukan kerana kos untuk melakukannya bukan mahal ekoran semakin banyak penyelesaian dan penyedia teknologi yang wujud bagi membolehkan PKS membuat peralihan serta transformasi dari proses pembuatan secara tradisional kepada yang lebih moden dan baharu," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada penganjuran Minggu Perindustrian 4.0 Perbadanan Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PSDC, Muhamed Ali Hajah Mydin, Datuk Teh Yong Khoon (Timbalan Pengerusi Majlis Pengurusan PSDC) dan Datuk Seri Wong Siew Hai (*Electrical & Electronic Productivity Nexus*, EEPN).



**CHOW Kon Yeow, Muhamed Ali Hajah Mydin (barisan depan, dua dari kiri) dan pelopor industri mendengar penerangan mengenai inovasi robotik pada penganjuran Minggu Perindustrian 4.0 PSDC di sini baru-baru ini.**

Serentak dengan penganjuran bertemakan *Start Small, Win Big* itu juga, empat Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani antara PSDC dengan syarikat *Cleantech Solar* (CS), *IME Group of Companies* (IME), Pusat Sains Data Gunaan (CADS) dan Kumpulan Institusi VidyaBharathi (VB Group).

Sebagai sebahagian daripada kolaborasi dengan CADS, PSDC akan membangunkan platform Analitik Pekerja Kecerdasan Buatan (AI) pertama yang bakal memacu pembangunan kemahiran AI di wilayah utara.

Mengulas lanjut, menurut Kon Yeow, pelaksanaan MoU berkaitan akan menyumbang kepada peningkatan pekerja mahir yang tinggi terutamanya dalam sektor perkilangan selaras dengan sasaran kerajaan untuk mencapai 35 peratus pekerja mahir tinggi di Malaysia berbanding hanya 18 peratus pada masa ini.

"Persoalan manusia akan kehilangan kerja disebabkan adanya robot membuat kerja tidak timbul kerana pekerja-pekerja tempatan perlu diberikan latihan semula supaya mereka boleh membuat kerja yang lebih tinggi kemahiran teknikal.

"Sementara kerja-kerja manual boleh dilaksanakan oleh robot.

"Lanjutan itu, pekerja dapat diserap untuk melakukan kerja yang lebih teknikal iaitu daripada seorang pekerja am boleh menjadi juruteknik, dan dari juruteknik pula menjadi jurutera.

"Inilah yang kita mahukan sekaligus mengurangkan kos dan kebergantungan kepada tenaga buruh asing," jelasnya.


Rumah Contoh Sedia Dikunjungi
MASA: 10.00am - 5.00pm
TEMPAT: 21-1-1, Tingkat Paya Terubong 5, Taman Terubong Indah, 11060 Penang.

PLB Land Sdn. Bhd.
PLB 國雲置地有限公司
A member of PLB ENGINEERING BERHAD
PLB HOMES comfort assured

THE STONE
PROJEK RUMAH MAMPU MILIK
Tower 1 & 2







Keluasan ±1,000 k.p.
Harga RM 359,500 ke atas

019-218 9775/012-406 1633
019-378 7261/012-449 3323

PLB HOMES comfort assured
04-390 0799
012-406 1633 | 019-218 9775
www.plbhomes.com.my

PLB LAND SDN. BHD.
1320, JALAN BARU, TAMAN CHAI LENG, 13700 PRAI, PENANG, MALAYSIA.
FAX: 604-390 0599

HAKMILIK KEKAL
永久地契

No. Lesen Pemaju Perumahan: 8139-3/01-2020/29(L) | Tempoh Sah: 10/01/2018-09/01/2020
No. Permit Iklan dan Jualan: 8139-3/01-2020/29(P) | Tempoh Sah: 10/01/2018-09/01/2020
Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | No. Pelan: MPPP/OSC/PB(7671)/15(LB)
Jenis Tanah: Hakmilik Kekal | Bilangan Unit: 1000 units | Tahun Jangka Siap: Feb 2022
Land Encumbrance: RHB Bank Berhad

# Ilmu *coding*, Kerajaan Negeri teruskan peruntukan khas

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Pameran Sains Antarabangsa Pulau Pinang (PISF) anjuran *Penang Sains Cluster* (PSC) yang berlangsung selama dua hari baru-baru ini menyediakan kira-kira 20,000 slot bengkel.

Slot-slot berkaitan adalah daripada 50 jenis industri bagi membolehkan para pelajar menimba pengalaman dan pembelajaran yang menyeronokkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam ucapan perasmiannya menyifatkan pameran bertema 'Memperkasa Generasi Masa Depan' tersebut sebagai sangat unik ekoran disertai banyak syarikat berteknologi tinggi.

"Lebih unik lagi apabila bukan sahaja syarikat berteknologi tinggi yang mengambil bahagian, malah ada juga sekolah-sekolah yang membuka ruang pameran serta menjalankan bengkel dikendalikan sendiri oleh para pelajar mereka.

"Oleh itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PSC kerana berjaya menganjurkan pameran sains yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang sejak tahun 2009, dan pada tahun ini adalah yang terbesar," ujarnya semasa merasmikan pameran berkenaan dekat Arena SPICE di sini 10 November lalu.

Turut berucap, Menteri Kewangan yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah PSC, Datuk Yoon Chon Leong dan ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa peranan utama perlu dimainkan sesebuah kerajaan adalah menyediakan masa depan yang cerah untuk generasi muda.

"Saya dengan bangganya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM2 juta pada tahun ini dan juga dua tahun akan datang kepada PSC khas kepada 100,000 pelajar sekolah rendah serta menengah di negeri ini untuk mempelajari *coding* dengan mencipta program komputer," jelasnya.

Antara syarikat berteknologi tinggi yang menyertai pameran pada tahun ini adalah *Bosch, B Braun, International Instruments, Motorola Solutions, Keysight Technologies* dan lain-lain.




CHOW Kon Yeow dan Lim Guan Eng memerhatikan sebahagian pelajar yang sedang mengikuti salah satu bengkel pada penganjuran PISF 2018 di sini baru-baru ini.



BIDANG elektronik yang merupakan industri utama bagi negeri Pulau Pinang.




TEKNOLOGI kincir angin bagi penghasilan tenaga yang dipamerkan.




DUA pelajar tidak melepaskan peluang mencuba teknologi robotik yang dipamerkan.



PAMERAN sains biologi yang turut mendapat perhatian.


• TEPAT • TERKINI • BENAR
BULETIN MUTIARA
naskah penerbitan
Kerajaan Negeri
Pulau Pinang
PERCUMA
முத்துச் செய்திகள்
珍珠快讯
Grand opening of APMG pg 15
BULETIN MUTIARA
PERCUMA
Menjelang SUKMA Perak
Selamat Hari MALAYSIA
Penang2030
bergantung kepada penglibatan, semangat rakyat Pulau Pinang
PENANG 2030
Transportation components moving forward
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@ChowKonYeow
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon: 04-650 5468 ; Fax: 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com